


"TIDAKKAH kamu memerhatikan bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmat-Nya yang zahir (seperti kesihatan dan kekayaan) dan yang batin (seperti ilmu pengetahuan dan akal)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Luqman, ayat 20.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP KETUA HAKIM MAHKAMAH BESAR REPUBLIK FILIPINA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo dan delegasi yang berlangsung di Istana Nurul Iman.
- Foto : Mohammad Hasif Matzin (*Lihat muka 3*).

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Le Minh Hung.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam dan Perdana Menteri

Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Le Minh Hung dan juga kerajaan serta rakyat Republik Sosialis Viet Nam sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam yang ke-81 Tahun.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG

PELITA BRUNEI

[f](#)
[i](#)
[t](#)
[p](#)
Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama

NASIHAT KERIHATAN SEMASA MENHADAPI JEREBU

PELITA	DIAGRAM YANG BERHAJAT DAN TIDAK MEMPUYAI MASALAH KESEHATAN	KAKAK-KAKAK, NENAK-NENAK, NAKIK-KAKIK, NAKIK-KAKIK, NAKIK-KAKIK	DIAGRAM YANG BERHAJAT DAN TIDAK MEMPUYAI MASALAH KESEHATAN
1-2	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
3-4	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
5-6	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
7-8	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
9-10	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
11-12	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
13-14	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
15-16	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
17-18	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
19-20	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
21-22	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
23-24	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
25-26	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
27-28	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
29-30	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
31-32	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
33-34	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
35-36	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
37-38	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
39-40	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
41-42	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
43-44	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
45-46	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
47-48	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
49-50	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
51-52	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
53-54	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
55-56	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
57-58	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
59-60	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
61-62	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
63-64	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
65-66	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
67-68	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
69-70	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
71-72	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
73-74	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
75-76	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
77-78	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
79-80	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
81-82	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
83-84	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
85-86	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
87-88	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
89-90	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
91-92	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
93-94	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
95-96	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
97-98	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah
99-100	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah	Isian meluaskan ketahanan aktiviti di luar rumah

AMBIL langkah berjaga-jaga lindungi kesihatan diri, keluarga

Muka 4

DOA Kesyukuran raikan 29 penerima Biasiswa KHEU

Muka 5

WADAH pertukaran pengalaman, pandangan perundangan, kehakiman

Muka 8

RENCANA

25 tahun melahirkan pelajar cemerlang

Muka 21

BICTA memacu inovasi tempatan ke arah masa hadapan berdaya tahan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, Brunei ICT Awards (BICTA) terus berperanan sebagai wadah utama dalam mencungkil bakat, menyemai budaya reka cipta serta memperkasa inovasi anak tempatan.

Dunia kini berada dalam fasa perubahan teknologi yang amat pesat. Kemajuan dalam Kecerdasan Buatan (AI), robotik dan sistem automasi pintar turut mengubah gaya hidup, kaedah pembelajaran dan cara kerja, serta urusan niaga. Namun matlamat kita adalah jelas, teknologi adalah pemudah cara kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dalam mendepani perkembangan ini, sama-sama kita mengamati titah paduka ayahanda semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun ini, yang antara lain menegaskan bahawa, "*AI mesti dimanfaatkan untuk memperluas peluang, dan bukan memperdalam jurang, serta untuk memperkasa daya cipta manusia, bukan*

melemahkannya".

Titah paduka ayahanda ini jelas memberikan peringatan dan panduan berharga dalam setiap langkah penerokaan teknologi baharu.

Pengalaman yang saya peroleh semasa siri Lawatan Kerja rasmi ke luar negara baru-baru ini, khususnya dalam meneliti Pusat-pusat Kecemerlangan serta aplikasi teknologi moden di institusi pengajian tinggi, memperlihatkan betapa pentingnya pelaburan yang sistematik dan mampan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembinaan modal insan berkemahiran tinggi serta perkongsian strategik dengan pihak industri.

Seiring dengan peralihan ini, pada hemat saya sudah tiba masanya untuk kita mengorak langkah lebih jauh. Kita bukan sekadar memanfaatkan kemajuan teknologi, bahkan mampu menerajui penciptaan dan pembangunan inovasi tempatan. Keupayaan untuk memahami dan menyesuaikan teknologi mengikut keperluan domestik, termasuk dalam bidang strategik seperti keterjaminan makanan dan Perkhidmatan Awam yang mesra rakyat, amat mustahak bagi kita membina asas daya tahan serta menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

Di sinilah letaknya nilai BICTA yang lebih bermakna. Wadah ini perlu terus menjadi medan lahirnya idea dan bakat yang bukan sahaja mampu meraih anugerah tetapi berkembang menjadi penyelesaian sebenar, penjaan harta intelek dan perusahaan tempatan yang memberi impak.

Justeru, bagi merealisasikan hasrat tersebut, kita perlu memperkukuh asas Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang merentas pelbagai sektor, dengan disokong oleh jaringan kerjasama antarabangsa. Pembangunan National Science, Technology and Innovation Strategy Framework merupakan langkah strategik dalam memberikan hala tuju yang tersusun kepada pembangunan ekosistem STI negara bagi memperkukuh keberhasilan penyelidikan serta menghubungkannya dengan kehendak industri.

Usaha ini melengkapi matlamat Digital Brunei 2030 yang membawa aspirasi 'Together Towards Digital Brunei', dengan data dan AI sebagai pemacu transformasi merentas sektor. Kejayaan strategi ini bertunjangan kepada beberapa keutamaan asas iaitu melahirkan barisan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam sains data; keselamatan siber dan teknologi baharu; penyediaan dasar dan kerangka kawal selia yang responsif; dan pemanfaatan data secara berimpak tinggi; serta sinergi yang padu antara kerajaan, industri dan institusi pengajian.

Sehubungan ini, asas ekosistem STI yang kukuh turut memerlukan ruang pengujian teknologi dalam persekitaran sebenar dan terkawal. Inisiatif AITI dalam membangunkan 5G Campus Network di Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei dihasratkan menjadi *testbed* bagi menguji aplikasi masa hadapan termasuk sistem pengangkutan pintar, kenderaan berautonomi serta keselamatan awam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Penaung Diraja Brunei ICT Awards (BICTA) berkenan mengurniakan sabda bersempena Majlis Penganugerahan BICTA 2026 pada Khamis, 27 Ogos 2026 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

berasaskan teknologi termaju.

Adalah menjadi harapan tinggi saya bagi kemudahan prasarana ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya ke arah memperkukuh ekosistem inovasi kebangsaan, memastikan hasil penyelidikan berupaya beralih secara lancar daripada pembuktian konsep kepada penjaan harta intelek dan produk pasaran yang berdaya saing.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG											
SEPTEMBER	HARI	RABIULAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
MASIHI		HILJAH									
2	RABU	20	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.27	6.26	7.36	
3	KHAMIS	21	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.26	6.26	7.35	
4	JUMAAT	22	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.25	6.25	7.35	
5	SABTU	23	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.24	6.25	7.34	
6	AHAD	24	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.23	6.24	7.34	
7	ISNIN	25	4.45	4.55	6.13	6.35	12.20	3.22	6.24	7.33	
8	SELASA	26	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.21	6.23	7.33	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
RABU			KHAMIS			JUMAAT				
Bandar Seri Begawan										
35	27	HAZE	35	27	HAZE	35	26	HAZE		
Pekan Bangar										
35	26	HAZE	35	26	HAZE	35	25	HAZE		
Pekan Tutong										
34	26	HAZE	34	26	HAZE	35	26	HAZE		
Kuala Belait										
34	27	HAZE	34	26	HAZE	34	26	HAZE		

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 2 SEPTEMBER 2026

Ambil langkah waspada, penjagaan ketika jerebu

FENOMENA jerebu telah melanda Negara Brunei Darussalam ketika ini, oleh itu, orang ramai khususnya ibu bapa digesa untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah sepanjang fenomena ini berlaku, bagi memelihara kesihatan anak-anak dan keluarga susulan kualiti udara yang semakin membimbangkan.

Pendedahan kepada jerebu boleh menyebabkan kesan kesihatan ringan seperti batuk, iritasi mata dan hidung berair serta boleh memburukkan masalah kesihatan sedia ada, khususnya asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung.

Orang ramai dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi melindungi kesihatan diri dan keluarga. Sentiasa ikuti perkembangan terkini mengenai keadaan dan bacaan kualiti udara melalui saluran rasmi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di Instagram @jastre.bn dan www.env.gov.bn.

Dalam kalangan individu yang sihat, pendedahan jangka masa pendek iaitu dalam masa beberapa hari kepada jerebu yang tinggi boleh menyebabkan kerengsaan terhadap bahagian tubuh yang terdedah kepada udara. Ini termasuklah menyebabkan kepedihan mata, hidung berair dan bersin serta sakit tekak. Keadaan ini kebiasaannya reda dengan sendiri dalam kebanyakan kes.

Tidak terkecuali juga, masalah kulit didapati boleh bertambah buruk disebabkan jerebu. Jerebu juga boleh menjejaskan jantung dan paru-paru, terutamanya pada mereka yang sudah mempunyai penyakit jantung atau paru-paru.

Antara langkah penjagaan diri semasa jerebu ialah elakkan aktiviti luar khususnya bagi kanak-kanak, ibu hamil, warga emas dan orang yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit jantung dan pernafasan perlu kekal di dalam rumah apabila kualiti udara pada tahap tidak sihat.

Orang dewasa yang sihat perlu elakkan aktiviti luar yang tidak diperlukan. Jika awda perlu bersenam, elakkan bersenam di kawasan yang sangat sesak berhampiran jalan raya, terutamanya semasa waktu sibuk.

Seterusnya meminum lebih banyak air dan meningkatkan pengambilan buah-buahan dan sayuran segar kerana ia membantu tubuh menyingkirkan toksin yang diserap melalui kulit dan paru-paru dan memperbaiki sistem imun. Pengambilan lebih banyak buah dan sayur anti-radang juga membantu mengurangkan keradangan yang disebabkan zarah halus udara yang berbahaya.

Kemudian, penggunaan penapis udara yang dilengkapi HEPA filter boleh membantu mengurangkan kadar pencemaran udara di dalam kawasan tertutup. Jika jerebu semakin teruk dan awda perlu berada di luar, gunakan sungkup muka yang bersesuaian dan pastikan ia dipakai dengan betul.

Jika awda menghidap penyakit kronik, ambil ubat secara teratur mengikut nasihat doktor. Dapatkan pemeriksaan dan rawatan dengan segera sekiranya mengalami sesak nafas atau batuk yang berpanjangan, alahan, sesak nafas atau kesukaran bernafas.

– Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo dan delegasi.

Menyertai Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina semasa Majlis Mengadap berkenaan ialah Chancellor of the Philippine

Judicial Academy, Mr. Edgardo L. Delos Santos; Vice Chancellor of the Philippine Judicial Academy, Mr. Sedfrey M. Candelaria; Judicial Staff Head, Office of the Chief Justice, Attorney Antonio Ceaser R. Manila; dan Chargé d' Affaires Kedutaan Republik Filipina di Brunei Darussalam, Puan Bernadette A. Mendoza.

Turut hadir ialah Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Dato Paduka Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin;

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo dan delegasi (atas kiri dan atas).

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Kolonel (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Kefli; Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad; dan Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Dayang Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah.

Semasa Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina berbincang mengenai dengan kerjasama kehakiman yang sedang berjalan di antara kehakiman NBD dan Republik Filipina.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina berada di negara ini bagi lawatan kerja mulai 29 hingga 31

Ogos 2026 dan juga menghadiri Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Unit Pendidikan Latihan Kehakiman Mahkamah Besar NBD dan pihak Philippine Judicial Academy pada 30 Ogos 2026 di Bandar Seri Begawan, NBD.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesembah dan seterusnya dijunjung bergambar ramai (atas dan kiri).

سوروهنجاي قرحمدتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

iklan jawatan kosong

IPAMTINGKAT IV

PEGAUW SANTIRIK

PEGAUW PERKEPMBANGAN UGAMA

PEMBANTU PELIKUS

PENCILONG PESURUHJAYA BURUH

RANGER

PENYELIDIK DAN PENTERJEMAH KHUSUS (BAHASA ARAB)

Lihat Iklan

2

Kalendar saya

IPAMTINGKAT IV

PEGAUW PERKEPMBANGAN UGAMA

PENCILONG PESURUHJAYA BURUH

PENYELIDIK DAN PENTERJEMAH KHUSUS (BAHASA ARAB)

Lihat Kalendar Saya

3

Status Permohonan Kerja

Bahagian	Status	Libat Pemin
1	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
2	PROSES PERAKUAN	20
3	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
4	TIDAK HADIR	20
5	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
6	PEMOHON DITERIMA	20

Lihat Aduan Saya

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

BERKENAN BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN BOLA KERANJANG



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan bola keranjang berkenaan.

GADONG, Isnin, 31 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan

berangkat menyaksikan perlawanan bola keranjang antara Pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) dan Pasukan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad**

Billah (MDPMAMB) bagi Kategori Perempuan Bawah 18 tahun (B-18) pada Kejohanan Bola Keranjang antara Sekolah AEWON PPE Kali Ke-4 2026, hari ini.

Menyertai kejohanan tersebut yang diadakan di Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA), cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang mewakili Pasukan ISB.

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan ISB berjaya menewaskan Pasukan

MDPMAMB dengan memungut mata 83 - 15.

Kejohanan yang bermula pada 31 Ogos 2026 hingga 20 September 2026 ini merupakan anjuran BBA dengan sokongan

Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Pada tahun ini, sebanyak 16 buah sekolah akan berentap bagi merebut gelaran juara dalam kejohanan berkenaan.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mewakili Pasukan ISB menyertai perlawanan.

Ambil langkah berjaga-jaga lindungi kesihatan diri, keluarga

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Berikutan dengan Siaran Akhbar Bersama mengenai situasi jerebu di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang

dikeluarkan pada 1 September 2026 oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian

Kesihatan ingin selanjutnya memberi nasihat kepada orang ramai mengenai langkah berjaga-jaga bagi melindungi kesihatan diri dan keluarga.

Pendedahan kepada jerebu boleh menyebabkan kesan kesihatan ringan seperti batuk, iritasi mata dan hidung berair dan boleh memburukkan masalah kesihatan sedia ada, khususnya penyakit asma (ampus), paru-paru dan jantung.

Sehubungan itu, orang ramai turut dinasihatkan untuk mengambil langkah - langkah berikut, iaitu menjaga kebersihan diri serta mencuci muka dan tangan selepas melakukan aktiviti di luar; memastikan pengambilan air yang mencukupi;

mengehadkan aktiviti di luar rumah; menggunakan sungkup muka apabila perlu. Jika keadaan jerebu semakin teruk dan awda perlu berada di luar, gunakan sungkup muka yang bersesuaian dan pastikan ia dipakai dengan betul.

Selain itu disarankan penggunaan penapis udara yang dilengkapi HEPA filter boleh membantu mengurangkan kadar pencemaran udara di dalam kawasan tertutup; mengambil ubat-ubatan secara teratur mengikut nasihat doktor bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik; dan mendapatkan pemeriksaan dan rawatan dengan segera sekiranya mengalami gejala seperti sesak atau batuk

yang berpanjangan, alahan, sesak nafas atau kesukaran bernafas.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti perkembangan terkini mengenai keadaan dan bacaan kualiti udara melalui saluran rasmi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, di Instagram @jastre.bn dan laman sesawang www.env.gov.bn.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi semasa serta memberikan maklumat terkini kepada orang ramai apabila diperlukan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau mengikuti Instagram @mohbrunei.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan lelaki dan No. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Penyebab bagi:

1 dalam 5 kanser lelaki
1 dalam 10 kanser wanita

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

NASIHAT KESIHATAN SEMASA MENGHADAPI JEREBU

PSI	ORANG RAMAI YANG SIHAT DAN TIDAK MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN	KANAK-KANAK, WANITA MENGANDUNG, WARGA EMAS	ORANG-ORANG YANG MENGHADAP PENYAKIT JANTUNG ATAU PENYAKIT PARU-PARU
<50 TAHAP BAIK	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah
51-100 TAHAP SEDERHANA	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah
101-200 TAHAP TIDAK SIHAT	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghindarkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah
201-300 TAHAP SANGAT TIDAK SIHAT	Dinasihatkan untuk menghindarkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan sungkup muka jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan*]	Dinasihatkan untuk menghadkan semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan sungkup muka jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan*]	Dinasihatkan untuk menghindarkan semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan sungkup muka jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan*]
> 300 TAHAP MERBAHAYA	Dinasihatkan untuk menghindarkan semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan sungkup muka jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan*]	Dinasihatkan untuk menghindarkan semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan sungkup muka jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan*]	Dinasihatkan untuk menghindarkan semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan sungkup muka jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan*]

Aktiviti berat = melibatkan penggunaan tenaga yang banyak seperti bermain bola, jogging, berbasikal, bersenamrobik

* N95 mask atau sebanding. Jika tidak terdapat sungkup muka N95, boleh menggunakan sungkup muka yang bersesuaian.

DOA KESYUKURAN RAIKAN 29 PENERIMA BIASISWA KHEU



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan penganugerahan Biasiswa KHEU kepada penerima (kiri dan atas).

BERAKAS, Isnin, 31 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi Penganugerahan Biasiswa KHEU Sesi Akademik 2026/2027 kepada seramai 29 pelajar yang menerima tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.

Majlis berkenaan diadakan di Cesar Grand Hall, Mulia Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap

KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin; serta Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

Seramai 16 pelajar akan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar dan Ma'had Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir, dalam bidang Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab serta Takhassus Al-Quran

wa al-Qiraat. Selain itu, seramai lima pelajar akan melanjutkan pengajian ke Malaysia.

Daripada jumlah berkenaan, empat pelajar akan melanjutkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, masing-masing dalam bidang Doktor Falsafah (Ph.D.) Pemikiran dan Tamadun Islam, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua), Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dalam Fiqh dan Usul Fiqh serta Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dalam Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah.

Manakala, seorang pelajar lagi akan melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia

dalam bidang Sarjana Pengajian Islam (Al-Quran dan Al-Sunnah).

Di samping itu, seramai tiga pelajar turut menerima tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke University College Cork, Republik Ireland, dengan seorang pelajar mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda dalam bidang perubatan, manakala dua pelajar dalam bidang pergigian.

Majlis juga menyaksikan seramai lima pelajar menerima biasiswa melalui Skim Khas 'A' Level bagi melanjutkan pengajian ke Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, JPI, KHEU, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan, diikuti dengan ucapan oleh Pengerusi Majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan tayangan video, diikuti dengan penyampaian surat penganugerahan biasiswa KHEU kepada para penerima yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery.

Meningkatkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Majlis disusuli dengan Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Murabbi Ummah : Memperkukuh Akidah, Membentuk Akhlak dan Memperkasa Pendidikan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang diketuai kumpulan dikir terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah

jemputan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebelum majlis diakhiri dengan bacaan Doa Penutup.

Sambutan berkenaan merupakan antara acara Hari-hari Kebesaran Islam yang diraikan Kementerian Pendidikan pada setiap tahun bagi merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selain meningkatkan rasa kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pada tahun ini, majlis sambutan membawa tema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah'.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Penyertaan Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau terus menunjukkan pencapaian yang menggalakkan. Melalui Asia Pacific ICT Alliance Awards (APICTA), bakat tempatan membuktikan keupayaan mereka bersaing di persada antarabangsa dengan bimbingan dan sokongan yang sewajarnya.

Akhir kata, kepada semua peserta, finalis dan penerima anugerah BICTA 2026, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah seraya menyeru 'Berinovasilah untuk mencipta nilai, menangani cabaran bersama, dan membina masa hadapan Negara Brunei Darussalam yang makmur dan berdaya tahan'.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), InfoCom Federation Brunei (IFB), kementerian-kementerian, institusi-institusi pendidikan serta pihak industri atas komitmen berterusan dalam menjayakan usaha ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

BERAKAS, Selasa, 1 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan; Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan serta Pusat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) telah mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari ini bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Ketua Unit Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Manaf.

AL-QURAN BENTUK PERIBADI MULIA, BERDISIPLIN, BERTANGGUNGJAWAB



YANG Berhormat Menteri Pembangunan merangkap Timbalan Pengerusi Majlis UTB hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir menyertai majlis tersebut.

KIARONG, Isnin, 31 Ogos. – Universiti Teknologi Brunei (UTB) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi para pelajarinya sempena Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 Tahun 2026, bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, merangkap Timbalan Pengerusi Majlis UTB.

Turut hadir, Naib Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra serta pegawai-pegawai kanan, tenaga akademik dan pentadbiran UTB, Ahli-ahli Majlis

Perwakilan Pelajar (MPP), ibu bapa dan penjaga serta para jemputan.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan disertai oleh seramai 158 pelajar, terdiri daripada 61 pelajar lelaki dan 97 pelajar perempuan yang telah berjaya menyempurnakan bacaan Al-Quran secara tartil mengikut program yang ditetapkan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad.

Diikuti dengan bacaan Takhtim dan seterusnya Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Awangku Ahmad Amsyar Zaki bin Pengiran Abdul Razak.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban, diikuti dengan penyampaian sijil khatam Al-Quran kepada para pelajar yang menyertai majlis, sebelum diakhiri dengan Doa Selamat.

Majlis berkenaan antara lain bertujuan untuk menekankan peranan Al-Quran dalam membentuk perkembangan kerohanian dan akhlak para pelajar, di samping memperkukuh keimanan serta membimbing mereka dalam membezakan antara perkara yang baik dan buruk.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Selain itu, penghayatan terhadap ajaran Al-Quran juga diharap dapat membantu membentuk peribadi yang mulia, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam kalangan para pelajar.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan merupakan salah satu acara yang dianjurkan bersempena Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 Tahun 2026, sekali gus mencerminkan komitmen UTB dalam mendukung pembangunan

pelajar secara holistik, dengan mengimbangi kecemerlangan akademik bersama pengukuhan nilai-nilai kerohanian dan akhlak.

Pihak UTB turut merakamkan penghargaan kepada tetamu kehormat majlis, jawatankuasa penganjur, warga UTB, MPP, ibu bapa, penjaga serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan majlis berkenaan.



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

PONTIANAK, KALIMANTAN BARAT, Isnin, 31 Ogos. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan rombongan baru-baru ini telah menghadiri Mesyuarat Penyelaras Daerah (RAKORDA) Majelis Ulama Indonesia (MUI) Wilayah V Se-Kalimantan Tahun 2026 bertempat di Kota Pontianak, Kalimantan Barat, Republik Indonesia.

Mesyuarat dikendalikan oleh MUI Kalimantan Barat.

Yang Mulia Naib Yang Di-Pertua MUIB menghadiri mesyuarat berkenaan atas jemputan Dewan Pimpinan MUI Provinsi Kalimantan Barat bagi mewakili Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Yang Di-Pertua MUIB.

Mesyuarat berkenaan menghimpunkan seramai 187

perwakilan MUI daripada lima wilayah di Pulau Kalimantan, iaitu Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah, Kalimantan Selatan, Kalimantan Timur dan Kalimantan Utara.

Majlis perasmian disempurnakan di Pendopo Gubernur Kalimantan Barat oleh Sekretaris Daerah Provinsi Kalimantan Barat, Harisson, mewakili Gubernur Kalimantan Barat.

Pertemuan tahun ini bertemakan 'Peranan MUI dalam Merespon Masalah Ekonomi, Ekologi dan Sosial Keagamaan di Tengah Perubahan Zaman', dan turut disertai oleh perwakilan dari Sarawak, Malaysia.

Naib Yang Di-Pertua MUIB turut menyertai Sesi Dialog bersama pihak MUI dengan Naib Yang Di-Pertua MUIB telah membentangkan mengenai fungsi dan peranan MUIB di Negara Brunei Darussalam (NBD).

NBD dan wilayah-wilayah di Kalimantan juga berkongsi warisan

MUIB, MUI perkukuh ukhuwah Islamiah, tingkatkan kerjasama

YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei bersama rombongan semasa menghadiri Mesyuarat Penyelaras Daerah (RAKORDA) Majelis Ulama Indonesia (MUI) Wilayah V Se-Kalimantan Tahun 2026 (kiri dan kanan).

keislaman yang panjang di Pulau Borneo. Kerjasama seumpama berkenaan adalah penting bagi memperkukuh ukhuwah Islamiah, di samping membuka ruang perkongsian kepakaran dalam bidang pendidikan agama dan hal ehwal keagamaan di kepulauan Borneo.

Antara kepimpinan yang turut menyertai sesi perbincangan berkenaan, Pengerusi MUI Pusat, Dr. H. Anwar Abbas; Setiausaha Agung MUI Pusat, Dr. H. Amirshah Tambunan; dan Ketua MUI Kalimantan Barat, K. H. Basri Har.

Penyertaan NBD pada mesyuarat berkenaan adalah diharap akan dapat mempererat ukhuwah Islamiyah di samping memperkukuh hubungan dan kerjasama antara MUIB dan MUI (Republik Indonesia).

Turut mengiringi Naib Yang Di-Pertua MUIB, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu selaku Pemangku Timbalan Setiausaha MUIB; dan Pegawai Pelajaran Kanan di Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan, Awang Haji Azrul Melda bin Dato Paduka Haji Abu Bakar; serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar NBD di Jakarta, Republik Indonesia.






PANDU DENGAN PERLAHAN. KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

LAWATAN MENGUKUHKAN KERJASAMA BADAN KEHAKIMAN NBD, REPUBLIK FILIPINA



KETUA Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 29 hingga 31 Ogos 2026 bagi Lawatan Kerja atas jemputan Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 29 hingga 31 Ogos 2026 bagi Lawatan Kerja atas jemputan Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon. Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo disertai bersama delegasi dari Mahkamah Besar Republik Filipina dan Philippine Judicial Academy (PHILJA). Lawatan ini merupakan Lawatan Rasmi pertama Yang Amat Arif ke NBD dan mencerminkan pengukuhan berterusan

kerjasama serta hubungan antara Badan Kehakiman NBD dan Republik Filipina. Acara kemuncak lawatan ialah penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Unit Pendidikan dan Latihan Kehakiman (JET) Mahkamah Besar NBD dan PHILJA pada 30 Ogos 2026. MoU tersebut menetapkan rangka kerja kerjasama dalam bidang pendidikan kehakiman, pertukaran profesional, pembangunan keupayaan, perkongsian sumber pendidikan serta pembangunan inisiatif secara bersama. Pada 31 Ogos 2026, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo telah mengadakan kunjungan hormat

dan pertemuan dua hala dengan Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon. Perbincangan tertumpu kepada kemajuan yang telah dicapai sejak pertemuan mereka di Manila, Filipina pada Februari 2026, khususnya dalam memformalkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan kehakiman. Kedua-dua Ketua Hakim membincangkan Cadangan Kerja bagi Pelaksanaan MoU, yang menggariskan bidang-bidang praktikal untuk kerjasama dan menyediakan asas bagi pembangunan aktiviti dua hala yang khusus. Sebagai sebahagian daripada

Siaran Akhbar dan Foto: Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

pelaksanaan MoU, telah dipersetujui bahawa pegawai penyelaras masing-masing dijangka mengenal pasti bidang keutamaan dan mengadakan sesi meja bulat dua hala atau pertukaran pengetahuan pada peringkat awal. Melangkah ke hadapan, kedua-dua Badan Kehakiman turut membincangkan kemungkinan untuk meluaskan kerjasama mereka melangkaui pendidikan dan latihan kehakiman kepada perkongsian institusi yang lebih menyeluruh. Sehubungan itu, Mahkamah Besar NBD telah mencadangkan agar usaha digerakkan ke arah pembangunan MoU antara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Besar Republik Filipina. Selepas kunjungan hormat tersebut, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo dan delegasi telah mengadakan lawatan ke Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanul Bolkiah di Universiti

Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Lawatan Kerja ini menggariskan komitmen kedua-dua Badan Kehakiman untuk membangunkan kerjasama yang bermakna dan substantif melalui pertukaran pengetahuan, pengalaman serta amalan terbaik. Hubungan ini juga membina atas kemajuan yang dicapai sejak pertemuan kedua-dua Ketua Hakim di Manila pada awal tahun ini, bermula daripada penerokaan awal kerjasama, kepada penandatanganan MoU JET-PHILJA, dan kini menuju ke arah pelaksanaan secara praktikal serta pembangunan perkongsian institusi yang lebih luas. Mahkamah Besar NBD menantikan kesinambungan hubungan dengan Badan Kehakiman Filipina serta pembangunan kerjasama jangka panjang yang memperkukuh hubungan profesional antara para hakim, pegawai kehakiman dan kakitangan mahkamah kedua-dua negara.

Institusi pendidikan laksanakan HBL pada 2-3 September

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Kementerian Pendidikan mengambil maklum mengenai bacaan Indeks Pencemaran Udara (PSI) pada pukul 4.00 petang, Selasa, 1 September 2026, yang menunjukkan kualiti udara yang masih berada pada tahap sangat tidak sihat.

Sehubungan itu, sebagai langkah berjaga-jaga serta demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan warga pendidikan, semua institusi pendidikan kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) adalah disarankan untuk melaksanakan Home-Based Learning (HBL) mulai Rabu, 2 September 2026 hingga Khamis, 3 September 2026.

Dalam tempoh berkenaan, institusi pendidikan berkenaan hendaklah mengaktifkan Pelan Kesenambungan Operasi (Business Continuity Plan - BCP) masing-masing bagi memastikan kesinambungan pembelajaran dan pengajaran.

Pelaksanaannya boleh dibuat secara dalam talian atau melalui penyediaan Pek Pembelajaran di Rumah (Home Learning Pack - HLP), mengikut kesesuaian dan keperluan pelajar.

Bagi institusi pengajian tinggi, pengoperasian serta pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran adalah tertakluk kepada ketetapan serta langkah-langkah yang bersesuaian oleh institusi masing-masing, dengan mengambil kira keadaan kualiti udara semasa serta keselamatan dan kesejahteraan warga institusi.

Kementerian Pendidikan dan KHEU akan terus memantau keadaan semasa dan penilaian semula akan dibuat pada pukul 4.00 petang, Jumaat, 4 September 2026, bagi menentukan status pengoperasian institusi-institusi pendidikan seterusnya.

Sebarang perkembangan atau ketetapan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Kementerian Pendidikan dan KHEU menghargai kerjasama dan perhatian semua pihak dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga pendidikan sentiasa terpelihara.

JASTRe terus pantau kualiti udara NBD

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa mulai 1 September 2026, pukul 2.00 petang, laporan data kualiti udara di Negara Brunei Darussalam (NBD) akan dipertingkatkan dengan mengambil kira kepekatan zarah halus PM2.5 dalam laporan Pollutant Standard Index (PSI).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan PM2.5 sebagai bahan zarah terampai yang halus dan mempunyai diameter kurang daripada 2.5 mikrometer. PM2.5 boleh menembusi jauh ke dalam paru-paru dan memasuki aliran darah, yang menyebabkan kesan buruk kepada sistem kardiovaskular (jantung) dan pernafasan.

JASTRe akan terus memantau kualiti udara di NBD dan memberikan maklumat terkini mengenai PSI sebanyak lima kali sehari pada pukul 7.00 pagi, 9.00 pagi, 11.00 pagi, 2.00 petang dan 4.00 petang sepanjang tempoh jerebu. Bacaan indeks pencemaran PSI hari ini, Selasa, 1 September 2026, pada pukul 4.00

petang dicatatkan sebagaimana di dalam rajah yang disediakan.

Bacaan PSI di bawah 50 adalah Baik. PSI antara 51 dan 100 adalah Sederhana. PSI antara 101 dan 200 adalah Tidak Sihat. PSI antara 201 dan 300 adalah Sangat Tidak Sihat. PSI di atas 300 adalah Merbahaya.

Kementerian Kesihatan ingin menasihati orang ramai bahawa apabila bacaan PSI mencapai tahap sangat tidak sihat (antara 201 dan 300), orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghindari aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah dan mengurangkan pendedahan yang tidak diperlukan kepada jerebu.

Kanak-kanak, wanita mengandung dan warga emas adalah dinasihatkan untuk mengehendak semua aktiviti di luar rumah, manakala orang-orang yang menghidap penyakit jantung atau penyakit paru-paru dinasihatkan untuk menghindari semua aktiviti di luar rumah.

Kepada mereka yang mengalami gejala yang berterusan atau semakin teruk seperti batuk, sesak nafas, sakit dada atau kesukaran bernafas adalah dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan perubatan di klinik-klinik atau pusat-pusat

kesihatan yang berdekatan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk merujuk kepada nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan panduan yang lebih lanjut.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat menerusi Talian Kecemasan 995 sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering.

Orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan.

Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang www.env.gov.bn dan Instagram [@jastre.bn](https://www.instagram.com/jastre.bn) manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang www.moh.gov.bn atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan.

DAERAH	KUALITI UDARA	PSI
Brunei Muara	SANGAT TIDAK SIHAT	215
Belait	SANGAT TIDAK SIHAT	211
Temburong	TIDAK SIHAT	164
Tutong	TIDAK SIHAT	168

Wadah pertukaran pengalaman, pandangan perundangan, kehakiman

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



KETUA Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo bersama delegasi daripada Philippine Judicial Academy (PHILJA) semasa mengadakan kunjungan muhibah ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini telah menerima kunjungan muhibah daripada Ketua Hakim Mahkamah Besar Republik Filipina, Yang Amat Arif Alexander G. Gesmundo bersama delegasi daripada Philippine Judicial Academy (PHILJA).

Hadir bagi mewakili Jabatan
Kehakiman Negara, Negara
Brunei Darussalam (NBD)
bersama delegasi berkenaan,
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Besar, Yang Arif Dato
Paduka Awang Haji Abdullah
Soefri bin Pehin Orang Kaya
Saiful Mulok Dato Seri Paduka
Haji Abidin dan Pemangku Ketua
Pendaftar Mahkamah Besar,

Dayang Hajah Hazarena binti
Pehin Orang Kaya Setia Jaya
Dato Paduka Haji Hurairah.

Turut hadir bagi mewakili UNISSA, Penolong Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Dayang Siti Sara binti Haji Ahmad; Dekan Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanah Bolkihah, UNISSA, Profesor Madya Dr. Ahmad Masum; serta Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Dalam rangka kunjungan berkenaan, taklimat ringkas mengenai UNISSA telah disampaikan oleh Penolong Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Dayang Siti Sara;



dan seterusnya taklimat mengenai program-program akademik berkaitan perundangan telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah, UNISSA, Profesor Madya Dr. Ahmad Masum.

Diikuti dengan lawatan ke Perpustakaan UNISSA.

Kunjungan muhibah berkenaan turut memperlihatkan hubungan erat antara institusi kehakiman dan akademik kedua-dua buah negara, di samping menyediakan ruang bagi pertukaran pengalaman dan pandangan dalam bidang perundangan, kehakiman dan pendidikan undang-undang.



سوروهنجاي فَرخدمَتَن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BERUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapkan Kelulusan
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
"Sal, transkrip dan pengikhtisaran Mijya Kebangsaan Pengiktisaran Kelulusan (MKPK)" yang berkenaan

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkapkan Maklumat
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertanyakan di dalam skim iklan)




+673 7371961




PSC.BN



query@spa.gov.bn



Sila Talan Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Beri media sosial
PSC.BN

PENOLONG MUFTI HADIRI PERSIDANGAN
ANTARABANGSA KE-11 SEKRETARIAT AGUNG
PENGUATKUASA FATWA SEDUNIA



PENOLONG Mufti (Ifta'), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah akan menghadiri Persidangan Antarabangsa Ke-11 Sekretariat Agung Penguatkuasa Fatwa Sedunia (General Secretariat for Fatwa Authorities Worldwide. Turut mendampingi beliau, Pegawai Istinbat di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Khairul Anwar bin Haji Muhammad (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Penolong Mufti (Ifta'), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah, hari ini bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Ke-11 Sekretariat Agung Penatkuasa Fatwa

Sedunia (General Secretariat for Fatwa Authorities Worldwide), selaku wakil kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Tema persidangan pada tahun



ini ialah 'Cabaran Kekeluargaan dalam Menghadapi Transformasi Besar: Suatu pendekatan Kefatwaan bagi Melindungi Institusi Keluarga, Menjangkakan Masa Depan'ya serta Memelihara Identiti' dan akan bersidang selama dua hari bermula 2 sehingga 3 September 2026 di Kaherah, Republik Arab Mesir.

Turut mendampingi beliau ke persidangan tersebut ialah Pegawai Istibat di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Khairul Anwar bin Haji Muhammad.

Diadakan di bawah naungan
Presiden Republik Arab Mesir.

Tuan Yang Terutama Abdel Fattah El-Sisi, persidangan ini diadakan untuk membina asas pendekatan penyelesaian yang bersistematik dalam memahami perubahan cara kehidupan berkeluarga masa kini, dengan menggabungkan tiga aspek utama; iaitu analisis ilmiah yang tepat, sumbangan fatwa yang teratur dan pandangan jauh yang berorientasikan masa depan yang kukuh.

Diharapkan pendekatan tersebut dapat memperkuat kemampuan institusi agama dan institusi fatwa dalam mengikuti perkembangan semasa.

di samping memberikan jalan penyelesaian yang bertanggungjawab dan seimbang, demi memelihara kestabilan keluarga serta menyokong Maqasid Syariah.

Dihoskan oleh Dar al-Ifta Republik Arab Mesir, persidangan ini dijangka akan dihadiri oleh para cendekiawan, mufti-mufti dan penyelidik dari 80 buah negara. Kehadiran ke persidangan tersebut juga adalah atas jemputan Mufti Besar Republik Arab Mesir, Dr. Nazir Muhammad 'Ayyad selaku Presiden Sekretariat Agung Penguatkuasa Fatwa Sedunia.

MEMPERKASA PENDIDIK BAHASA MELAYU SEIRING PERUBAHAN LANDSKAP PENDIDIKAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



JERUDONG, Selasa, 1 September. - Kementerian Pendidikan melalui Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik (JPP) hari ini mengadakan Simposium Bahasa Melayu Tahun 2026 di Dewan Persidangan Antarabangsa BRIDEX.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap



UCAPTAMA disampaikan oleh Dr. Mohammad Shahrin bin Haji Metussin dari Pusat Tingkatan Enam Belait.

(Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Simposium pada tahun ini yang bertemakan 'Memperkasa Pendidik dan Pelajar dalam Gelombang Transformasi Digital dan AI' disertai oleh seramai 450 guru Bahasa Melayu dari sekolah rendah dan menengah kerajaan serta swasta senegara.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Pendidik, Dr. Dayang Roslena binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari, selaku Ketua BDLTA.

Sejurus itu disusuli dengan ucapatama bertajuk 'Paradigma Baharu Pendidikan Bahasa Melayu dalam Era Transformasi Digital dan Kecerdasan Buatan : Pemikiran, Literasi dan Kreativiti' yang disampaikan oleh Dr. Mohammad Shahrin bin Haji Metussin dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait.

Ucapatama berkenaan membincangkan gelombang transformasi digital dan

Kecerdasan Buatan (AI) serta kepentingan pemerkasa pendidik dan pelajar dalam konteks pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Perkongsian berkenaan di harap dapat memberikan perspektif yang lebih luas mengenai perubahan dalam pendidikan Bahasa Melayu serta peranan pendidik dan pelajar dalam mendepani perkembangan teknologi.

Pengisian simposium kemudian diteruskan dengan sesi Learning Circle bersama penyampai ucapatama yang memberikan ruang kepada para peserta untuk menghubungkan idea-idea utama daripada ucapatama dengan pengalaman sebenar guru di bilik darjah.

Sesi berkenaan turut memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi amalan terbaik, membincangkan cabaran semasa serta meneroka peluang penggunaan teknologi digital dan AI dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Sesi pagi diakhiri dengan bengkel bertajuk 'Ke Masa Silam Bersama STEAM DB' yang dikendalikan oleh Penolong Profesor di Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Aliamat bin Omar Ali.

Bengkel berkenaan memberikan fokus kepada elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) dalam pengajaran Bahasa Melayu, termasuk melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek.

Pada sebelah petangnya pula, simposium diteruskan dengan Bengkel kedua bertajuk 'Amalan Bilik Darjah Digital : Integrasi Visual dalam Pengajaran BM melalui AI Generatif Berpanduan PILCO' yang dikendalikan oleh Pegawai Pendidikan di Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Tutong, Awang Haji Muhammad Zaim Ridhwan bin Haji Ahad.

Bengkel berkenaan memberi tumpuan kepada penggunaan AI



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada Simposium Bahasa Melayu Tahun 2026.

generatif secara praktikal dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya melalui penghasilan bahan visual yang dapat membantu menjadikan pembelajaran lebih menarik, interaktif dan bermakna.

Simposium diteruskan lagi dengan sesi Spotlight Bersama Pemudah Cara Bengkel yang dikendalikan oleh Dr. Ernie Zahdina @Nur Syifa' Damia binti Haji Md. Serudin. Sesi berkenaan mengetengahkan perkongsian dan refleksi bersama pemudah cara bengkel, di samping memberi ruang kepada peserta untuk mengongsikan idea, pengalaman dan pendekatan yang boleh disesuaikan dalam amalan pengajaran masing-masing.

Melalui gabungan sesi ucapatama, sesi Learning Circle, bengkel dan sesi Spotlight, para peserta berpeluang untuk memperluas pengetahuan, meneroka pendekatan baharu serta memperoleh idea yang boleh disesuaikan mengikut keperluan pelajar dan konteks bilik darjah masing-masing.

Simposium Bahasa Melayu

2026 merupakan antara inisiatif Kementerian Pendidikan dalam memastikan pendidik Bahasa Melayu terus bersedia menghadapi perubahan landskap pendidikan.

Semasa simposium berkenaan, para peserta juga berpeluang memperluas pengetahuan, mencuba pendekatan baharu serta memperoleh idea yang boleh disesuaikan dengan keperluan pelajar dan konteks bilik darjah masing-masing.

Melalui penggabungan kepakaran tempatan, pedagogi yang berimpak serta pemanfaatan teknologi secara kreatif dan beretika, simposium berkenaan di harap dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang terus relevan dalam era transformasi digital.

Turut hadir pada simposium berkenaan, Naib Canselor UBD, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Amanah kepimpinan pelajar beralih kepada generasi baharu

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mewakili badan tertinggi wakil pelajar di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang bertanggungjawab mewakili suara dan kepentingan mahasiswa dan mahasiswi kepada pihak pengurusan universiti.

Ia merupakan wadah yang penting kepada ekosistem pengajaran dan pembelajaran sesebuah institusi pengajian tinggi. Sifat kepemimpinan, keberanian berkongsi pendapat dan pengalaman berorganisasi adalah beberapa kualiti diri yang bakal diperoleh pelajar yang terbabit dengan MPP.

Sehubungan itu, Majlis Rasmi Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2025/2026 dan Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2026/2027 telah diadakan baru-baru ini bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.



PEMANGKU Timbalan Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Rasmi Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2025/2026 dan Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2026/2027.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Kemuncak majlis, pengumuman Majlis Perwakilan Pelajar Sesi

2026/2027.

Kepimpinan MPP KUPU SB Sesi baharu berkenaan akan diketuai oleh Yang Dipertua Pelajar, Awang Muhammad Nur Razin bin Rosli.

Majlis berkenaan merupakan

platform rasmi untuk menyerahkan amanah kepimpinan kepada generasi pemimpin pelajar yang baharu. Ia di harap dapat menyuntik semangat yang jitu dalam memperjuangkan kebajikan dan aspirasi mahasiswa dan

mahasiswi.

Majlis juga bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada sumbangan barisan mantan MPP dan seterusnya memperkenalkan barisan kepimpinan pelajar baharu kepada warga kampus.

Bolehkah Orang Kaya Menerima Sedekah?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AMALAN bersedekah merupakan suatu amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam (sunat mu'akkadah) dan ia mempunyai berbagai kelebihan dan ganjaran yang sangat besar. Banyak dalil daripada al-Qur'an dan hadits yang menyebut tentang kelebihan bersedekah, antaranya sebuah hadits yang diriwayatkan daripada 'Adiy bin Hatim Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesiapa yang mampu daripada kalangan kamu untuk mendinding (dirinya) daripada api neraka sekalipun hanya dengan (bersedekah) setampik buah kurma, maka lakukanlah.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadits ini Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menyeru umat Baginda supaya sentiasa mencari peluang untuk menyelamatkan diri daripada api neraka. Salah satu cara untuk menyelamatkan diri daripada api neraka ialah dengan bersedekah sekalipun sedikit. Sedekah yang sedikit itu hanya sedikit pada penilaian zahir manusia, akan tetapi tidak di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bersifat Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

Tafsirnya : Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurniaNya) lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Baqarah : 261)

Dalam ayat al-Qur'an di atas, Allah Subhanahu wa Ta'ala menjanjikan bahawa sedekah yang diberikan dengan ikhlas semata-mata kerana mengharapkan keredhaanNya akan dilipatgandakan pahalanya sehingga 700 kali ganda bahkan lebih daripada itu jika Allah Subhanahu wa Ta'ala menghendakinya.

Amalan bersedekah ini juga mengeratkan silaturrahim sesama insan serta mengukuhkan rasa ukhuwwah dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Jika diperhatikan di masjid-masjid umpamanya, banyak orang

ramai yang bermurah hati memberi sedekah makanan dan minuman untuk para jemaah ketika perhimpunan sembahyang Jumaat, majlis Dikir Maulid, hidangan berbuka puasa dan seumpamanya.

Menyebut tentang sedekah ini, sebahagian orang berfahaman bahawa sedekah hanya bertujuan untuk membantu dan meringankan bebanan orang yang susah, kurang mampu, anak yatim atau miskin. Maka timbul persoalan tentang kedudukan hak orang kaya terhadap harta sedekah, adakah orang kaya diharuskan menerima sedekah?

Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah menceritakan tentang kisah seorang lelaki daripada zaman dahulu yang telah bersedekah kepada seorang penzina, seorang kaya dan seorang pencuri dalam keadaan dia tidak mengetahui bahawa mereka itu adalah penzina, orang kaya dan pencuri. Setelah lelaki tersebut mengetahui hal yang sebenarnya, dia merasa sedih dan kurang senang. Lalu dikatakan kepadanya di dalam mimpinya :

Maksudnya : Adapun sedekahmu kepada pencuri, maka semoga (dengan sedekahmu itu) dia menahan diri daripada (perbuatan) mencurinya. Adapun (sedekahmu) kepada penzina, maka semoga (dengan sedekahmu itu) dia menahan diri daripada (perbuatan) zinanya. Adapun (sedekahmu) kepada orang kaya, maka semoga (dengan sedekahmu itu) dia mengambil iktibar lalu menginfakkan daripada apa yang Allah telah berikan kepadanya.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah, hadits ini menunjukkan bahawa orang yang bersedekah itu sekiranya niatnya baik dan ikhlas, sedekahnya akan diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sekalipun sedekahnya tidak sampai kepada penerima yang sepatutnya.

Asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini Rahimahullah berkata dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj :

Ertinya : Dan halal (sedekah) bagi orang kaya, sekalipun daripada kalangan kaum kerabat menurut pendapat al-masyhur.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa sedekah itu boleh diberi kepada orang kaya dan pemberi sedekah tetap mendapat pahala. Bersedekah kepada golongan yang memerlukan adalah

afdhal berbanding bersedekah kepada orang kaya.

Menurut Imam al-Mawardi dan Imam ar-Ruyani Rahimahumallah, sedekah kepada orang kaya hanya sah sebagai sedekah jika diniatkan kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mengharapkan pahala. Jika diberikan atas dasar penghargaan kepada penerima atau berbaik-baik dalam pergaulan dan seumpamanya, ia hanya dianggap sebagai pemberian dalam bentuk hibah. Disyaratkan juga supaya sedekah yang diberikan itu membawa manfaat kepada penerima. Jika tidak membawa manfaat kepada penerima, ia tidak dianggap sedekah.

Orang kaya pada dasarnya halal menerima sedekah. Sekalipun halal, namun makruh ke atas orang kaya menzahirkan dirinya supaya diberi sedekah. Jika perbuatan menzahirkan dirinya supaya diberi sedekah tersebut menyebabkan keadaan-keadaan berikut, maka haram ke atasnya menerima sedekah. Keadaan-keadaan tersebut ialah :

(i) Pemberi sedekah menyangka bahawa orang kaya itu adalah orang fakir.

Sekiranya pemberi sedekah tersalah anggap dengan perbuatannya bahawa orang kaya itu adalah orang fakir dan orang kaya tersebut mengetahui akan sangkaan pemberi sedekah itu, haram ke atas orang kaya itu menerima sedekah tersebut. Jika dia menerimanya, dia tidak memiliki pemberian sedekah itu. Dalam ertikata lain, pemilihan orang kaya itu terhadap harta sedekah tersebut adalah tidak sah.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemberi sedekah itu tetap hendak memberikan sedekahnya kepada orang kaya tersebut sekalipun pemberi sedekah itu telah mengetahui perkara yang sebenar, maka dalam hal ini halal bagi orang kaya itu untuk menerimanya.

(ii) Pemberi sedekah tersalah sangka bahawa penerima adalah ahli ilmu, orang salih atau daripada keturunan mulia.

Sekiranya pemberi sedekah itu memberi sedekah kepada orang kaya kerana ilmu, kesalihan atau keturunannya, maka jika benar penerima itu adalah sepertimana yang disangkakan pemberi sedekah, maka halal bagi orang kaya itu menerima sedekah tersebut.

Sebaliknya, jika penerima itu bukan sepertimana yang disangkakan pemberi sedekah dan penerima tersebut mengetahui akan sangkaan pemberi



IRSYAD HUKUM

جَانِبٌ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ
جَانِبٌ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

sedekah itu, maka haram bagi orang kaya itu menerima sedekah tersebut. Jika dia menerimanya, dia tidak memiliki pemberian sedekah itu.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemberi sedekah itu tetap hendak memberikan sedekahnya kepada orang kaya tersebut sekalipun pemberi sedekah itu telah mengetahui perkara yang sebenar, maka dalam hal ini halal bagi orang kaya itu untuk menerimanya.

(iii) Memiliki sifat tersembunyi yang jika diketahui oleh pemberi sedekah, dia tidak akan memberikan sedekah itu kepadanya.

Sebagai contoh, penerima sedekah mengetahui bahawa pemberi sedekah itu tidak mahu memberi sedekah kepada perokok. Maka dalam hal ini, sekiranya penerima itu seorang perokok, haram ke atasnya untuk menerima sedekah tersebut. Jika dia menerimanya, dia tidak memiliki pemberian sedekah itu.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemberi sedekah itu tetap hendak memberikan sedekahnya kepada orang kaya tersebut sekalipun pemberi sedekah itu telah mengetahui perkara yang sebenar, maka dalam hal ini halal bagi orang kaya itu untuk menerimanya.

Dari penjelasan di atas, dapat difahami bahawa harus hukumnya bersedekah kepada orang kaya dan mereka pula halal menerimanya melainkan dalam keadaan-keadaan yang telah disebutkan di atas.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAHAN ALLAH

كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

DOA merupakan salah satu ibadah yang sangat digalakkan dalam Islam dan sebagai umat Islam kita diajarkan untuk sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala baik dalam keadaan senang mahupun susah. Doa bukan hanya sekadar permohonan tetapi juga merupakan bentuk penghambaan (ubudiyah), rasa syukur, dan pengakuan pengharapan hamba atas kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ghafir, ayat 60 yang mafhumnya :

"Dan Tuhan kamu berfirman : Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenalkan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina".

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menyeru sekalian manusia untuk membiasakan diri supaya sentiasa berdoa untuk memohon kebaikan dan menolak keburukan dalam meniti kehidupan yang penuh ranjau ini. Sebagai seorang hamba yang beriman seseorang itu hendaklah sentiasa mendekatkan diri dan berhubung terus dengan Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada dalam memohon segala keperluan, mengadu segala permasalahan, mahupun sebagai bentuk penghambaan diri.

Amalan berdoa

Sesungguhnya doa yang dipohonkan kepada-Nya semata-mata dengan tujuan untuk mengharapkan reda dan kesejahteraan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Seorang Muslim dianjurkan untuk berdoa dalam setiap keadaan, baik saat senang mahupun susah, waktu sihat mahupun sakit, dan waktu lapang mahupun sempit.

Manakala orang-orang yang meninggalkan doa dianggap orang-orang yang sombong dan Allah Subhanahu Wata'ala murka kepada sesiapa yang tidak berdoa dan akan menerima balasan yang berat. Daripada Abu Hurairah dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Sesungguhnya sesiapa yang tidak memohon (meminta) kepada Allah, Dia (Allah) murka kepadanya".

(Hadis Hasan riwayat Imam At-Tirmidzi)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengkhabarkan bahawa doa sebagai bentuk ibadah, bahkan inti ibadah itu sendiri. Daripada An-Nu'man bin Basyir, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Doa itu adalah ibadah".

(Hadis sahih riwayat Imam At-Tirmidzi)

Banyak ibadah memerlukan gerakan fizikal seperti sembahyang dan menunaikan haji atau menahan diri seperti puasa. Namun doa adalah ibadah lisan dan hati yang menjadi roh dari semua ibadah tersebut. Daripada Anas bin Malik, daripada Nabi

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Doa itu adalah otak segala ibadat".

(Hadis gharib riwayat Imam At-Tirmidzi)

Mengapa disebut otak? Kerana dalam doa, seorang hamba menanggalkan egonya, mengakui ketidakberdayaannya, dan menyerahkan segala urusan hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah puncak penghayatan kepada Allah, doa adalah senjata terkuat bagi seorang Muslim. Seorang hamba yang membiasakan diri dengan berdoa akan beroleh keberuntungan kerana ia sentiasa mendekatkan dirinya kepada Allah. Dengan doa, nikmat diturunkan dan bala pula dapat ditolak. Betapa besar keperluan kita sebagai hamba kepada doa pada bila-bila masa dan di mana juga kita berada dalam keadaan apa pun. Berdoa tidak hanya terbatas dalam hal-hal duniawi malah juga mencakupi aspek kehidupan akhirat.

Doa bukan hanya permintaan tetapi juga bentuk tawakal dan pengakuan kelemahan seorang hamba di hadapan Tuhannya. Setiap doa yang dipanjatkan adalah bentuk komunikasi antara hamba dan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan berdoa hati menjadi lapang, tenang, dan kesedihan berganti harapan serta urusan dimudahkan. Dalam Islam, diyakini bahawa doa memiliki kemampuan untuk mengubah takdir. Meskipun Allah telah menetapkan segala sesuatu, doa adalah bahagian dari takdir itu sendiri dan merupakan sarana yang

diberikan Allah kepada hamba-Nya untuk memohon perubahan atau keringanan dari ketetapan-Nya. Betapa besarnya kelebihan berdoa untuk kita amalkan dan biasakan dalam mengharungi kehidupan.

Doa merupakan senjata dan kekuatan bagi orang yang beriman dalam mencapai semua tujuan. Selain itu doa juga dapat menghindarkan semua bahaya bahkan menghilangkannya. Dalam menghadapi badai kehidupan, keraguan, dan gangguan musuh (termasuk syaitan), doa menjadi perisai sekali gus senjata yang ampuh bagi melawan musibah, kesulitan dan rasa takut. Ini bersesuaian dengan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Ali Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Doa adalah senjata orang Mukmin, tiang agama, dan cahaya langit-langit dan bumi".

(Hadis sahih riwayat Imam Al-Hakim)

Hadis ini menunjukkan terlalu banyak kelebihan berdoa itu selain sebagai senjata bagi orang yang beriman ia juga sebagai tiang agama dan cahaya yang menerangi langit dan bumi.

Marilah kita sentiasa memperbanyakkan doa agar hati ini tetap teguh di jalan kebenaran serta diberi ketenangan dalam menghadapi setiap dugaan yang datang. Berdoalah dengan sepenuh hati dan teruslah berharap, meskipun jawapannya belum terlihat. Yakini bahawa setiap doa adalah bisikan tulus seorang hamba kepada Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui segala keresahan dan pengharapan.

MEMAJUKAN KERJASAMA MERENTASI PERTANIAN LESTARI, PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai pada majlis pelancaran program latihan antarabangsa tersebut.

JERUDONG, Isnin, 31 Ogos. - Wilayah Zhejiang, Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memperkukuh lagi pertukaran dan kerjasama dalam bidang pertanian lestari dan pembangunan luar bandar melalui majlis pelancaran program latihan antarabangsa mengenai Program Pembaharuan Luar Bandar Hijau China: Pertanian Lestari dan Ekonomi Luar Bandar.

Majlis pelancaran tersebut telah menghimpunkan tetamu-tetamu khas dari Republik Rakyat China dan NBD, iaitu dan Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; dan Duta Besar Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun serta delegasi dari

Kerajaan Rakyat Wilayah Zhejiang.

Program latihan antarabangsa ini memberi tumpuan kepada pengalaman praktikal Program Pembaharuan Luar Bandar Hijau Zhejiang.

Dilancarkan di Zhejiang pada Jun 2003, program ini bermula dengan penambahbaikan persekitaran hidup luar bandar dan secara beransur-ansur

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

diperluaskan kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar yang mampan, tadbir urus luar bandar dan peningkatan kesejahteraan penduduk luar bandar.

Sepanjang pelaksanaan lebih dua dekad, Zhejiang telah membina kepakaran yang luas dalam memajukan pembangunan bandar-luar bandar yang terkoordinasi dan kemajuan luar bandar yang mampan, menawarkan rujukan berharga untuk pertukaran dan kerjasama antarabangsa.

Pada September 2018, Program Pembaharuan Luar Bandar Hijau Zhejiang telah dianugerahkan penghormatan alam sekitar tertinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu Anugerah Juara Bumi, sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlangnya dalam pembangunan luar bandar yang mampan.

NBD kini sedang memajukan visi negara, Wawasan Brunei 2035, dengan tumpuan yang kukuh terhadap kepelbagaian ekonomi dan pertumbuhan yang mampan.

NBD juga sangat mementingkan keselamatan makanan dan usaha ke arah pembangunan pertanian yang lebih cekap dan mampan. Dalam konteks ini, pengalaman

langsung Zhejiang dalam pembaharuan luar bandar hijau dan pertanian lestari memberikan pandangan yang bermakna untuk keutamaan pembangunan berkaitan Brunei.

Program latihan antarabangsa mengenai pertanian lestari dan ekonomi luar bandar di bawah Program Pembaharuan Luar Bandar Hijau China dijadualkan berlangsung di Zhejiang pada September ini, dan akan menjadi tuan rumah kepada sekitar 15 profesional NBD dari sektor pertanian dan pembangunan luar bandar untuk program kajian dan pertukaran selama 10 hari.

Peserta akan memperoleh pengetahuan secara langsung tentang amalan dunia sebenar Zhejiang dalam pertanian lestari dan kemajuan ekonomi luar bandar.

Projek latihan ini akan memupuk penglibatan dua hala yang lebih mendalam antara Zhejiang dan NBD, mengukuhkan persahabatan dan saling memahami antara Republik Rakyat China dan NBD, serta bersama-sama memajukan pertukaran dan kerjasama merentasi pertanian lestari, pembangunan luar bandar dan kerjasama ekonomi yang lebih luas.

MINDA PEMBACA

Belia berdaya saing, negara gemilang

BELIA Berdaya Saing, Negara Gemilang merupakan satu ungkapan yang menggambarkan kepentingan golongan belia dalam menentukan masa depan Negara Brunei Darussalam. Belia ialah generasi pewaris yang akan meneruskan pembangunan negara. Oleh itu, mereka perlu mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan jati diri yang kukuh agar mampu menghadapi cabaran dunia yang semakin berkembang.

Di Negara Brunei Darussalam, golongan belia mempunyai banyak peluang untuk meningkatkan potensi

diri melalui pendidikan, latihan kemahiran, kegiatan sukarelawan dan program pembangunan belia. Peluang tersebut hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Selain kecemerlangan akademik, belia juga perlu menguasai kemahiran teknologi, komunikasi dan keusahawanan supaya dapat berdikari serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

Dalam menghadapi era digital dan persaingan global, belia Brunei juga perlu berani keluar daripada zon selesa. Mereka hendaklah mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif serta tidak mudah berputus asa apabila

menghadapi kegagalan. Pada masa yang sama, nilai-nilai murni seperti disiplin, amanah, hormat-menghormati dan cinta akan negara perlu terus dipelihara. Belia yang berkemahiran tetapi tidak mempunyai akhlak yang baik tidak akan mampu memberikan sumbangan yang sepenuhnya kepada negara.

Sebagai kesimpulannya, kemajuan Negara Brunei Darussalam bergantung kepada kesediaan generasi belia untuk mempersiapkan diri menghadapi masa hadapan. Belia yang berilmu, berkemahiran, berakhlak dan berani mencipta perubahan akan menjadi kekuatan

kepada negara. Oleh itu, setiap belia perlu memainkan peranan masing-masing kerana belia yang berdaya saing hari ini merupakan asas kepada Brunei yang gemilang pada masa hadapan.

Nama : Siti Nadzirah binti Haji Awang Tengah
No. K/P : 01-091XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Membentuk Peribadi Mulia Berpanduan Sunnah Rasulullah'. Tarikh Tutup : 2 September 2026
- 2.'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 9 September 2026
- 3.'Waspada Banjir: Persediaan Menghadapi Musibah'. Tarikh Tutup : 16 September 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DUKUNG PENGLIBATAN BELIA DALAM MENANGANI ISU KEBERSIHAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan bergambar ramai pada Sesi Dialog Bersama Belia Mengenai Isu Kebersihan di Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, 31 Ogos, Isnin. - Kementerian Pembangunan melalui inisiatif Brunei Bersih hari ini telah mengadakan Sesi Dialog Bersama Belia Mengenai Isu Kebersihan di Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar.

Sesi Dialog berkenaan diadakan sebagai wadah untuk melibatkan golongan belia dalam membincangkan isu-isu berkaitan kebersihan serta memberikan ruang bagi perkongsian pandangan, idea dan cadangan ke arah memupuk sikap bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan persekitaran.

Kira-kira 280 peserta telah menyertai Sesi Dialog berkenaan, yang terdiri daripada penuntut - penuntut institusi

pengajian tinggi serta golongan belia.

Penyertaan ini mencerminkan kepentingan penglibatan golongan belia sebagai rakan strategik dalam sama-sama menyumbang idea dan memainkan peranan aktif dalam menangani isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para pembentang dan sesi bergambar ramai.

Program diteruskan dengan sesi perkongsian ringkas daripada kumpulan - kumpulan petindak

sebelum berlangsungnya sesi dialog yang mengetengahkan tiga tajuk utama, iaitu, 'Why Do We Still Litter?', yang disampaikan oleh Awang Mohammad Hazim bin Awang Mokti; 'Contingency Plan If the Services Are Inaccessible', yang disampaikan oleh Dayang Nurul Wafa binti Haji Ismail; dan 'How to Cultivate Clean Habits?', yang disampaikan oleh Dayangku Nur Farahiyah@Dayangku Batrisyia binti Pengiran Haji Abdul Rahman.

Melalui Sesi Dialog tersebut, para peserta berpeluang untuk bertukar - tukar pandangan

mengenai cabaran berkaitan kebersihan, peranan masyarakat dalam menangani isu pembuangan sampah serta kepentingan membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan seharian.

Penglibatan golongan belia dalam perbincangan seumpama ini adalah penting dalam usaha meningkatkan kesedaran serta menggalakkan rasa tanggungjawab bersama terhadap kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Di samping Sesi Dialog, program berkenaan turut dimeriahkan dengan penyertaan vendor-vendor tempatan yang dikendalikan oleh golongan belia.

Aktiviti sampingan tersebut diadakan sebagai salah satu usaha untuk memberikan ruang dan sokongan kepada komuniti belia tempatan khususnya dalam mengetengahkan produk dan perniagaan mereka, di samping mewujudkan suasana program yang lebih santai dan interaktif dalam kalangan peserta.

Penganjuran Sesi Dialog tersebut juga merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pembangunan melalui Brunei Bersih dalam menggalakkan penglibatan seluruh lapisan masyarakat, khususnya golongan belia, untuk sama-sama memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, selesa dan lestari di Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Arab SHHB raikan 210 penuntut cemerlang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



RIMBA, Isnin, 31 Ogos. - Seramai 210 penuntut Sanah 10 Fast Track dan Sanah 11 diraikan dalam Majlis Haflut Takharrij dan Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Sekolah Arab SHHB) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Sekolah Arab SHHB, hari ini.

Majlis kali ini menyaksikan penghargaan kepada Awang Mohamed Azfar bin Mohamed Sirazzuddeen yang menerima Hadiah Khas Pelajar Mithali Tahun 2025.

Selain itu, bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level Tahun 2025, seorang penuntut menerima hadiah Pelajar Cemerlang, manakala 39 penuntut lagi menerima hadiah Pelajar Terbaik.

Sementara itu, bagi Peperiksaan Sijil Peperiksaan Ugama Brunei (SPUB) Tahun 2025 pula, seramai 124 penuntut menerima Hadiah Pelajar Terbaik, manakala 13 pelajar menerima Hadiah Pelajar Cemerlang.

Turut menerima pengiktirafan ialah 39 penuntut Terbaik Setiap

Kelas bagi kedua-dua peperiksaan berkenaan.

Penyampaian hadiah berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengetua Sekolah Arab SHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor, selaku Pengerusi Majlis, menzahirkan rasa syukur kerana dapat meraikan seramai 210 penuntut yang telah menamatkan satu peringkat penting dalam perjalanan pendidikan mereka.

Beliau berkata, masa berlalu begitu pantas dan perjalanan para penuntut yang seakan-akan baharu melangkah masuk sebagai penuntut Sanah 5 kini telah sampai ke penghujung persekolahan hingga Sanah 11 dan sepanjang tempoh berkenaan, pihak sekolah menyaksikan perkembangan para penuntut bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan, malah kematangan dan pengalaman yang membentuk mereka untuk melangkah ke fasa kehidupan seterusnya.

Sehubungan itu, majlis berkenaan turut menjadi wadah untuk memberikan pengiktirafan kepada penuntut terbaik setiap kelas, penuntut yang mencapai keputusan cemerlang dalam Peperiksaan SPUB dan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level, serta penerima Anugerah Pelajar Mithali.

Dalam ucapannya, Awang Haji Norhisyam turut menekankan bahawa pencapaian dalam Peperiksaan SPUB pada tahun ini menunjukkan peningkatan yang positif, sekali gus menjadi dorongan kepada pihak sekolah dan para penuntut untuk terus memperkukuh usaha serta meningkatkan pencapaian pada masa akan datang.

Beliau seterusnya menyeru para penuntut agar membawa bersama ilmu, iman dan akhlak ketika melangkah ke peringkat seterusnya, dengan menegaskan bahawa ilmu membimbing pemikiran, iman menentukan arah kehidupan, manakala akhlak mencerminkan nilai diri.

Para penuntut juga dinasihatkan supaya menjadikan pencapaian orang lain sebagai inspirasi untuk terus maju tanpa membandingkan diri sehingga melemahkan semangat, kerana setiap individu mempunyai perjalanan, kemampuan dan masa kejayaan yang berbeza.

Beliau turut mengingatkan para penuntut agar memelihara asas pendidikan agama yang telah dibekalkan sepanjang berada di sekolah, terus mendalaminya serta menjadikannya panduan dalam membuat pilihan dan keputusan dalam kehidupan.

Bagi penuntut yang belum menerima pengiktirafan pada majlis berkenaan, Awang Haji Norhisyam berpesan supaya tidak berputus asa kerana sesuatu keputusan peperiksaan tidak menentukan keseluruhan masa hadapan.

Sebaliknya katanya lagi, para penuntut perlu mengenali potensi diri, memperbaiki kelemahan dan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang penerima (atas). Sementara gambar kiri, antara penuntut yang diraikan pada majlis berkenaan.

terus melangkah dengan penuh keyakinan. Dalam pada itu, penghargaan turut dirakamkan kepada ibu bapa dan penjaga atas segala doa, kesabaran, pengorbanan dan bimbingan yang diberikan sepanjang perjalanan pendidikan anak-anak.

Penghargaan yang sama tambahnya, turut ditujukan kepada para asatizah atas segala usaha mendidik dan membimbing para penuntut dengan penuh amanah serta kesungguhan, yang diharapkan terus memberikan manfaat dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyentuh mengenai cabaran masa hadapan, beliau mengingatkan para penuntut bahawa dunia terus berubah dan menuntut generasi muda untuk sentiasa menambah ilmu serta kemahiran.

Sehubungan itu jelasnya lagi, kemajuan teknologi hendaklah dimanfaatkan secara bijaksana tanpa mengabaikan agama, adab dan amanah. Sebagai generasi yang turut mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035, para penuntut diseru untuk terus

memperkukuh ilmu, kemahiran dan integriti serta memberikan sumbangan yang bermakna kepada agama, masyarakat dan negara.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai kategori yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, sebelum diakhiri dengan penyampaian Hadiah Khas Pelajar Mithali Tahun 2025.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Sekolah Arab SHHB dalam menghargai pencapaian dan kecemerlangan penuntut, di samping memartabatkan pendidikan Islam dan bahasa Arab.

Majlis berkenaan turut menjadi pemangkin kepada para penuntut untuk terus melakar kecemerlangan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi, seterusnya menyumbang kepada pembentukan generasi berilmu, berkemahiran, berakhlak dan berintegriti demi kemajuan agama, masyarakat dan negara.

Sekolah Menengah Katok juara Pertandingan Gulintangan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

TUNGKU LINK, Selasa, 1 September. - Sekolah Menengah Katok dinobatkan sebagai juara Peringkat Akhir Pertandingan Gulintangan antara Sekolah - sekolah Menengah, Maktab-maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara 2026 setelah memperoleh markah sebanyak 86.54 peratus berlangsung di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Tungku Link. Manakala Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri memperoleh 85.92 peratus mendapat tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh

Muda Al-Muhtadee Billah, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, dengan kerjasama Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Akademi Pengajian Brunei, UBD.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memelihara dan mengekalkan seni budaya Brunei secara berterusan melalui aktiviti kokurikulum yang berunsurkan kesenian dan kebudayaan.

Selain itu juga, untuk menanamkan semangat cintakan negara dengan menjaga keaslian tradisi kebudayaan orang-orang Brunei, khususnya dalam kalangan para pelajar, serta menyediakan kumpulan pemain gulintangan bagi keperluan acara atau majlis tertentu sama ada di dalam negara mahupun di luar negara.

Objektif pertandingan tersebut adalah untuk mengembangkan pengetahuan, bakat dan kreativiti para pelajar dalam menguasai permainan gulintangan dalam suasana pertandingan yang sihat, di samping memberikan peluang yang luas kepada pelajar untuk menghayati dan mempelajari irama-irama asli budaya Brunei.

Pertandingan ini diharapkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dapat mewujudkan sikap semangat dan bekerjasama dalam diri setiap pelajar serta meningkatkan keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri dan rakan-rakan mereka.



ANTARA persembahan pada Peringkat Akhir Pertandingan Gulintangan antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara 2026.

Berus stensil, berus lukis disyaki diperbuat daripada bulu khinzir

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) ingin memaklumkan mengenai aduan yang diterima oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMh) berkaitan penjualan berus stensil dan berus lukis jenama Mont Marte di salah sebuah premis perniagaan di negara ini yang disyaki diperbuat daripada bulu khinzir.

Hasil analisis yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan telah mengesahkan bahawa barang gunaan berus berkenaan diperbuat daripada bulu khinzir.

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES menegaskan kepada pemilik perniagaan berkenaan supaya mengasingkan dengan serta-merta penjualan berus berkenaan daripada produk-produk lain dan hanya membenarkan penjualannya di bahagian tempat atau ruang *non-halal section* serta tidak terdedah kepada orang awam.

Sehubungan itu, KHEU juga ingin mengingatkan para pemilik pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport agar lebih berwaspada dan peka terhadap produk-produk dan barangan gunaan import yang akan dijual kepada orang ramai bagi memastikan produk-produk yang dijual adalah suci dan bersih serta tidak bercampur dengan bahan yang tidak halal.

Langkah berkenaan adalah demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini daripada mengambil dan menggunakan produk serta barangan gunaan yang tidak halal. Di samping itu, KHEU ingin menegaskan kepada semua pengusaha makanan di negara ini supaya tidak menggunakan sebarang peralatan, perkakas atau barang gunaan yang diperbuat daripada bahan tidak halal, termasuk berus bulu khinzir, dalam penyediaan, pemprosesan, pengendalian atau penyajian makanan yang disediakan kepada orang ramai, khususnya orang Islam.

Mana-mana pelanggaran boleh menjejaskan pematuhan halal dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat serta aduan yang disampaikan, dan ingin menggalakkan orang ramai supaya sentiasa peka serta membuat aduan sekiranya terdapat sebarang maklumat mengenai produk yang tidak halal yang dijual secara terbuka di premis-premis perniagaan.

Orang ramai boleh menghubungi JHES melalui BKMh menerusi Talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat BKMh di setiap daerah.



PENJUALAN berus stensil dan berus lukis jenama Mont Marte di salah sebuah premis perniagaan di negara ini yang disyaki diperbuat daripada bulu khinzir.

MEMUPUK KEYAKINAN DIRI, KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI TERHADAP NILAI KEAGAMAAN



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat majlis bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. – Bahagian Keagamaan, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Pertandingan Pidato sempena Ilal Hijrah 1448 Hijrah, yang berlangsung di Bilik Persidangan, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Skip Haji Junaidi bin Haji Hussin; serta para pemimpin, hakim, peserta pertandingan dan jemputan yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, PPNBD, Skip Haji Rosaimi bin Haji Othman, selaku Pengerusi Majlis.

Pertandingan Pidato yang berlangsung pada sebelah pagi

berkenaan didahului dengan taklimat pertandingan, sebelum para peserta bersaing dalam Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan.

Bagi Kategori Lelaki, johan disandang oleh Awang Muhammad Daniai Haikal bin Muhammad Abdul Hafiz daripada Pasukan Pengakap Terbuka 1111, diikuti Awang Hazlam Syiblee Mundzir bin Nasrun Sumurhakim daripada pasukan yang sama sebagai naib johan, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Awang Syahminul Rahim bin Mohd. Shahrin daripada Pasukan Pengakap Terbuka Lamunin 2032.

Sementara itu bagi Kategori Perempuan pula, Dayang Nur Syahirah binti Syakirin daripada Pasukan Pengakap Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha 1106 muncul sebagai Johan, manakala Dayang

Nur Batrisya Humaira' binti Awang Mohammad Abu Hanafiah daripada pasukan yang sama menyandang naib johan, manakala Dayang Syazana Zafirah binti Zulrani daripada Pasukan Pengakap Sekolah Arab Belait 3036 pula menduduki tempat ketiga.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausiyah daripada Kumpulan Aflahul Jinan, diikuti persembahan oleh johan Pertandingan Pidato.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu kehormat majlis, diikuti penyampaian sagu hati kepada para hakim dan Kumpulan Aflahul Jinan.

Penganjuran pertandingan berkenaan diharap dapat menyemarakkan lagi Sambutan Ilal Hijrah 1448H dalam kalangan warga pengakap, di samping memupuk keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi dan penghayatan terhadap nilai-nilai keagamaan serta semangat Hijrah.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 18 / BKTGS /
2026 – T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah
Susur Di Pos Kawalan Labu,
Daerah Temburong

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
1 September 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 September 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
IV atau V atau VI

Kategori:
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM/ 30 / 2026

Nama Projek:
Penggantian Papan Suis Elektrik
Utama, Papan Suis Sub dan
Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan
Untuk Istana Edinburgh,
Jalan Perdana Menteri

Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa
8 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
22 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V atau VI

Kategori:
E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
15 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 31 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Elektrik
Dan Penggantian Untuk Royal
Lantern Dan Papan Agihan
Kompau Dan Lain-Lain Untuk
Kediaman VIP Assarra, Istana
Edinburgh, Istana Darut Taqwa
Dan Kawasan Berkaitan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM016 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / MOD.03

Nama Projek:
Kontrak Penggal Selama Dua (2)
Tahun Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Bagi Aset-Aset
Bangunan Di Bawah Kementerian
Pembangunan, Negara Brunei
Darussalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
S02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM017 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / MOD.04

Nama Projek:
Kontrak Penggal Selama Dua (2)
Tahun Bagi Kerja-Kerja
Pembersihan Bagi Aset-Aset
Bangunan Di Bawah Kementerian
Pembangunan, Negara Brunei
Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
15 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01 & M03

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 017 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sistem Pengepam
Air Dan Pemeliharaan Tangki Air
Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Selama 36 Bulan

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
8 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
M03 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 018 / 2026

Nama Projek:
Membekal Dan Mengganti Injap
Dan Flowmeter Di Loji Rawatan
Air Bukit Barun Chamber A Dan B
(Tawaran Semula)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
15 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of UPS
Control Module For ADS-B/WAM
System, Aeronautical
Telecommunication Services,
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2026 / SH-16

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
16 September 2026
(Tidak lewat
jam 2.00 Petang)


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU /
LOG / TA / 1005
Pembelian Utility Van Cargo Baru
Untuk Kegunaan Pusat Kalibrasi

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu
Isnin, 15 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 September 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
DITU / TA / 001
Pembelian Access Switch

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu Isnin,
15 September 2026.

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
MAB / TA / 005
Pembelian Penggantian
Peralatan Cantral Log and
Analysis Appliance

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu
Isnin, 15 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 September 2026
2.00 Petang





**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran :**

(116) JBS / ADM / QC / 2026
Supply and Install Card Printer,
Jabatan Belia dan Sukan

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran :**

(117) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Thirty-Six (36) Months for
Jerudong Sports Complex

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran :**

(118) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for:
a) Mumong Sports Complex and
Swimming Pool
b) Arena Field Seria
c) Youth and Sports Office
Kuala Belait
d) Youth Centre and Multi-Purpose
Hall (Dewan Serbaguna Bekas
Gudang Beras)
e) Bangunan Persatuan-Persatuan
Belia Belait
f) Berek Lorong 3 Seria

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran :**

(119) JBS / ADM / QC / 2026
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance and Warranty of
Close Circuit Television (CCTV)
System at Anggerek Desa
Swimming Pool

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran :**

(120) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for National
Swimming Pool, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran :**

(121) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for:
1. Anggerek Desa Swimming Pool
2. Unit Kenderaan, Jabatan Belia
dan Sukan

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis
17 September 2026



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Bilangan
7 / 2026-2027**

Site Survey, Supply Configure And
Deployment Of Enterprise Grade
End-To End High Coverage Mesh
Wi-Fi Network For Land
Department (Headquarters &
District Land Offices) And
Documentation (Network
Topography)

**Bilangan
8 / 2026-2027**

Migration Of The Land
Department Database (LANDDB)
From The Ministry Of
Development's Database Server
To The Land Department's
Database Server

Tarikh Tutup:
8 September 2026
Selasa, Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

002 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2026

The Supply, Delivery, Installation,
Setup, Configuration, Testing And
Maintenance Of Network
Infrastructure At
Pusat Pengajian dan Penyebaran
Al-Quran MABIMS, Ministry Of
Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
23 September 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Keterangan
Projek:**

18 / BBS / SH / BPL / PP /
2026-2027
To Supply, Install And Delivery Of
Office Furniture For Bahagian
Penguatkuasaan

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 182 / 2026 / SSBH
Water Pump Replacement Works
At Various Location At Suri Seri
Begawan Hospital, Kuala Belait

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 183 / 2026 / DSS (TC)
To Supply And Deliver Applied
Biosystem Human Identification
Kits, Reagents And Consumables
For Forensic Biology Laboratory
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health For A Period Of
3 Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND100.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 184 / 2026 / MOH
To Lease High-Speed Production
Scanner Built For Heavy-Duty
Scanning For Three (3) Years For
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 185 / 2026 / PPN
The Provision Of Transportation
Services For National Oral Health
Survey 2027-2028, Department Of
Dental Services, Ministry Of
Health For A Period Of Six (6)
Months Over Two (2) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

JKP / LTK / 2026-2027 / 14
Event Management Services For
World Travel Market, London,
United Kingdom 3-5 November

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 22 September 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 186 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Maintenance
Services For Generator Set At
Health Centers In Tutong District
For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 188 / 2026 / ESTETMOH
(TC)
The Provision Of Maintenance
Services For Telecommunications
System Under Ministry Of Health
For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 189 / 2026 / TUT (TC)
The Provision Of Maintenance
Services For Plumbing Sanitary
And Drainage At PMMPMHAMB
Hospital Tutong District For A
Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 190 / 2026 / HTD
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning
Twelve (12) Units Of Suction
Motor For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**

KK / 191 / 2026 / SSBH
Provision Of One (1) Unit Of
Hearing Aid Analyzer For
Audiology Unit, Suri Seri Begawan
Hospital, Kuala Belait

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
V Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga:**
Selasa
22 September 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 025 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
'ADHOC', Protokol Dan Serta
Merta, Daerah Belait.

No. Projek :
2026ADKB / 2106 / 002-001-002

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

KK / 192 / 2026 / MOH (TC)
Pembekalan Dan Penghantaran
Makanan (Buffet Dan Packed
Food) Bagi Pegawai Dan
Kakitangan Kementerian
Kesihatan Bagi Upacara Atau
Majlis Rasmi Yang Dikendalikan
Di Kementerian Kesihatan

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**
KK / 194 / 2026 / HTD
Provisional Of Surgical Endoscopy
System For Operating Theatre,
RIPAS Hospital And SSB Hospital

Bayaran Yuran Tawaran:
BND500.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**
KK / 27 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services Ministry
Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:**
KK / 28 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services Ministry
Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
15 September 2026





**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

1. Tajuk:

To Operate Service Counter for Travel Agency / Tour Operator at Arrival Hall Brunei International Airport

Rujukan:

DCA / CCS / 2026 / SH - 03

2. Tajuk:

The Operation Of Service Counter For Hotel Accommodation At The Arrival Hall, Brunei International Airport.

Rujukan:

DCA / CCS / 2026 / SH - 04

3. Tajuk:

To Operate Service Counter for Ground Transportation Service / E-Hailing at Arrival Hall Brunei International Airport



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Tajuk Sebut Harga:

JPH / 001 / SH / 2583 / 2026-2027
Penyewaan Tempat Perkhidmatan Mesin Layan Sendiri (vending machine) di bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan selama dua (2) tahun.

Yuran Sebut Harga:

Borang Pendaftaran Syarikat

Rujukan:

DCA / CCS / 2026 / SH - 05

Yuran Dokumen:

BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Pembukaan:

Isnin, 24 Ogos 2026

Tarikh Tutup:

Rabu, 23 September 2026
2.00 petang



(jika belum berdaftar): **BND10.00**
Borang Sebut Harga: **BND5.00**
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Khamis,
10 September 2026,
2.00 Petang



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

19 / DBP / SH / 2026-2027
Reallocate Existing Indoor Playground At Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Bandar Seri Begawan To Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Tutong

Tarikh Tutup Tawaran :

Khamis
3 September 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Dan Tajuk

Sebut Harga:

MOH / HPC / QTN / 26-27 (08)
Production Of Instagram Reels On Diabetes Mellitus For Two Years For Health Promotion Centre, Ministry Of Health – Clustering

Yuran Sebut Harga :

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM015 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JKR.05

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Dan Pembekalan Perabot Bagi Bahagian Struktur, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Tingkat 1, Blok B, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
1 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
21 / OGOS / 2026 / KKBS / HSSE / SECURITY / GV

Tajuk Tawaran:

Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Tiga Puluh Enam Bulan (24 Bulan + 12 Bulan Tambahan) Bagi Bangunan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Jabatan Belia Dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak akan dikembalikan)

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Sabtu, 5 September 2026,
Jam 11.00 Pagi

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa, 8 September 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



NOTIS

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG PANCHOR

RUJUKAN: KPN/DIL/RFP (04/2026)

**BAYARAN YURAN TAWARAN/PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online:
BND\$5,000 (Tidak dikembalikan)**

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapi RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar emel kepada alamat emel: hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

- 1. A) Pelabur tempatan: Copy of Certificate of Business Registration (Section 16 and Section 17)/Form X; atau**
B) Pelabur luar negara: Copy of Certificate of Business Registration in respective country
- 2. Alamat penuh syarikat**
- 3. Alamat e-mel syarikat yang aktif**
- 4. No. handfon syarikat yang aktif**

- Tarikh penerimaan dokumen RFP **mula: 18th Julai 2026 (Hari Sabtu)**

- Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **24th September 2026 (Hari Khamis)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **14.30 – 15.30 petang**

- Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program *Government Land Lease (GLL)* melalui alamat email: eei.dil@mod.gov.bn

- Tarikh RFP **tutup: 20th Oktober 2026 (Hari Selasa) Jam: 14.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG PANCHOR**

Pelabur luar negara dibenarkan untuk menghadapi RFP dokumen yang telah lengkap secara elektronik dalam format fail ZIP termampat (*zipped file*) ke alamat e-mel ltk.mod@mod.gov.bn.

Sebarang dokumen RFP yang diterima selepas tarikh dan masa tutup yang dinyatakan adalah dianggap lewat dan tidak akan dipertimbangkan.


جائين فرانچيس ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANGKAPAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"Buleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"lawah? Banar kan tawarannya ani?"



Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan ke-Pengguna

MEMBARIGAKAN ISU SEMASA MELALUI PROGRAM SUA MUKA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 1 September. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan pada masa yang sama menerima maklum balas yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Tanjong Maya / Kampung Lubok Pulau dan Kampung Bukit Udal / Kampung Penapar, Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya, Daerah Tutong.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini manakala rombongan dari Mukim Tanjong Maya diketuai oleh Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya.

Mewakili Kampung Tanjong Maya / Kampung Lubok Pulau ialah Awang Nur Azmil bin Haji Ismail selaku Ketua Kampung Tanjong Maya / Kampung Lubok Pulau, manakala Kampung Bukit Udal / Kampung Penapar diwakili oleh Awang Haji Masri bin Haji Abdullah selaku Ketua Kampung Bukit Udal / Kampung Penapar.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan

SUASANA pada Program Sua Muka yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya (kanan dan bawah).

Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran.

Program dimulakan dengan kata-kata aluan daripada ketua rombongan yang menyentuh mengenai hasrat jabatan agar program ini menjadi salah satu landasan komunikasi antara kerajaan dan rakyat.

Ketua rombongan juga menyeru untuk sama-sama mendukung hasrat dan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan lagi penyertaan di peringkat akar umbi sebagai salah satu strategi Whole of Nation Approach dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Program juga diisi dengan penyampaian maklumat kepada penduduk kampung oleh Jabatan Penerangan mengenai 'Penyebaran Maklumat Palsu', taklimat daripada Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran mengenai 'Tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable energy)', dan taklimat dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mengenai 'BruneiID'.

Program Sua Muka turut diselitkan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, antaranya berkaitan dengan prasarana, ekonomi, keselamatan, kebajikan dan kemudahan awam.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Tutong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Republik Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan.

Pekerja berkenaan ialah Iyan Setiawan, berusia 46 tahun, dengan nombor pasport E2884143.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4221333 atau +673 4222580 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



IVAN Setiawan, berusia 46 tahun, dengan nombor pasport E2884143.

Sayur Labu Masak Lemak Kampung Kota Batu

BAHAN-BAHANNYA :

1 siong labu
1/2 ikat cangkuk manis
5 batang gandum muda
2 biji lada merah (dipotong)
Santan secukupnya
Udang secukupnya

Garam secukupnya
Ajinomoto secukupnya
Sedikit gula

CARA-CARA MEMASAK :

Labu dipotong dan dibersihkan.
Masukkan labu ke dalam periuk

dengan sedikit air, udang, gandum muda dan lada potong. Masak hingga setengah masak kemudian masukkan santan dan perasakan dengan garam, ajinomoto dan sedikit gula. Biarkan sehingga labu tersebut lembut dan masak.

SEMAI RASA CINTA TERHADAP RAJA, AGAMA, BANGSA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



MENTIRI, Isnin, 31 Ogos. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Dewan Jubli Mutiara, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim kepada seramai 172 penuntut Tahun 7. Turut hadir, Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Dayang Hajah Radiah binti Haji Abd. Latif, serta para tenaga pengajar.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan meningkatkan kefahaman mengenai kandungan taklimat. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan oleh Timbalan

SESI bergambar ramai pada Program Taklimat Kenegaraan yang diadakan di Dewan Jubli Mutiara, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri (atas kiri). Manakala gambar atas, antara penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Pengetua (Pentadbiran) sekolah berkenaan. Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

JPCC semarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad



SUASANA pada majlis ceramah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah bertajuk 'Meneladani Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Pemimpin: Teladan dalam Membina Organisasi' (kiri dan bawah kiri).

seorang pemimpin, termasuk amanah, kebijaksanaan, kesabaran, keadilan, sikap saling menghormati serta keprihatinan terhadap orang lain.

Para peserta turut diberikan penerangan mengenai kepentingan menerapkan nilai-nilai kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menjalankan tanggungjawab dan membina sebuah organisasi yang berintegriti, harmoni serta berdaya maju.

Ceramah turut disertakan dengan aktiviti interaktif menerusi platform Kahoot! yang menguji pengetahuan warga JPCC mengenai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Aktiviti tersebut memberi peluang kepada warga JPCC untuk menambah pengetahuan serta menghayati sirah dan keperibadian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam suasana yang menarik dan interaktif.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban oleh warga JPCC bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Penganjuran program keagamaan ini merupakan antara usaha berterusan JPCC dalam memperkukuh pembangunan kerohanian para pegawai dan kakitangannya. Program tersebut juga diharap dapat meningkatkan kecintaan terhadap Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menyemai nilai-nilai kepimpinan berteraskan ajaran Islam serta menjadikan akhlak Baginda sebagai panduan dalam melaksanakan tugas dan amanah.

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Country Club Sendirian Berhad



JERUDONG, Isnin, 31 Ogos. - Jerudong Park Country Club Sendirian Berhad (JPCC) telah mengadakan ceramah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah bertajuk 'Meneladani Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Pemimpin: Teladan dalam Membina Organisasi'. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang, wakil dari Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Dakwah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pengurus Am JPCC, Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman, pengurus - pengurus, pegawai-pegawai serta kakitangan JPCC. Antara inti pati ceramah ialah sifat-sifat mulia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai

Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. – Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti (iaitu syarikat dan individu) yang tidak dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB. Alert List ini dikeluarkan bagi meningkatkan kewaspadaan orang ramai dan mengelakkan salah tanggapan bahawa individu atau syarikat yang disenaraikan adalah dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB ialah Goldpecker Community/HF Markets/HFM, jenis aktiviti ialah pelaburan.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinkan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan. Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah pengirisan wang, penukaran wang, pinjaman wang dan perkhidmatan pajak gadai. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

BDCB juga menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada terhadap mana-mana individu atau entiti yang mendakwa mewakili, mempunyai kaitan dengan, atau bertindak bagi pihak BDCB, termasuk menggunakan nama, logo atau identiti rasmi BDCB tanpa kebenaran bagi tujuan meminta wang, maklumat peribadi atau penyertaan dalam skim kewangan.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti berkaitan kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 / +673 8380007 dan e-mel fci@bdc.gov.bn atau Talian Bantuan Anti-Penipuan di talian 16993.



BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA

Ini adalah hukum pasti tidak boleh diabaikan apatah lagi dilangkahi, iaitu HUKUM berbuat baik kepada ibu bapa. Apa makna di sini berbuat baik kepada ibu bapa? Maknanya menunaikan kewajipan berupa apa saja kebaikan untuk mereka, termasuk menjaga hati mereka supaya jangan sekali-kali dirusikkan. Ini dilakukan demi pangkat mereka itu sangat tinggi sehingga – setelah Allah memerintahkan kita menyembah-Nya, diperintahkan pula secara berurutan untuk kita berbuat baik kepada ibu bapa (Lihat Surah An-Nisa' ayat 36). Cara Allah mengungkap pada ayat ini menunjukkan, betapa istimewanya kedudukan ibu bapa di sisi Allah. Maka oleh itu, dalam menjaga ibu bapa janganlah sekali-kali diambil ringan oleh anak-anak, kerana nisbah anak dengan ibu bapa, seperti saja anak-anak itu tidak ada apa-apa iaitu apabila kita merujuk sebuah Hadits Nabi bersabda kepada seorang anak, maksudnya:

“Wahai anak (ingatlah), dirimu dan hartamu adalah milik bapakmu” (Lihat Hadits dari Jabir bin Abdullah riwayat Ibnu Majah). Jadi jangan tunjuk ego kepada ibu bapa, tetapi patuhlah kepada arahan Al-Qur'an, firman Allah, tafsirnya: “Rendahkanlah diri kamu kepada kedua ibu bapa kamu demi kasih sayang terhadap mereka” (Lihat Surah Al-Israa' ayat 24). Apa makna merendah diri? Maknanya: Jangan sekali-kali ada sebarang unsur sombong sebarang unsur bongkak sebarang unsur degil sebarang unsur keras kepala melawan ibu bapa, tetapi lakukanlah berbuat baik itu sebagaimana perintah Allah, tafsirnya: “Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya engkau tidak menyembah kecuali hanya kepada-Nya sahaja, dan juga (berikutnya) hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali sudah sampai kepada umur tua di dalam jagaan dan pemeliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (menggunakan perkataan kasar) sekalipun cuma perkataan “Ah!”

Dan jangan juga menengking mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan mulia yang penuh sopan santun” (Lihat Surah Al-Israa' ayat 23). Dalam pada dilarang bercakap kasar, tetapi sebaliknya disuruh mendo'akan mereka, seperti perintah Allah, tafsirnya: “Do'akanlah ibu bapa dengan do'a kamu: “Wahai Tuhanku, cucurkanlah rahmat-Mu kepada mereka sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayang serta memelihara dan mendidiku semasa kecilku” (Lihat Surah Al-Israa' ayat 24).

Wahai saudara wahai saudara semua, awas! Mengenai pengajaran Hadits riwayat Al-Hakim ini, maksudnya: “Setiap dosa akan dilewatkan balasannya oleh Allah menurut kehendak-Nya sehingga hari kiamat, kecuali (dosa) derhaka kepada ibu bapa, adalah Allah akan menghukum pelakunya semasa hidup lagi sebelum matinya.” Apakah hukuman itu? tidak diberi tahu, tetapi berdasarkan kejadian-kejadian yang pernah berlaku,

adalah hukuman itu kepada pelaku, seperti: Murung atau lupa diri atau bodoh atau buruk akhlak atau gila atau derita yang tidak berpenghujung. Oleh yang demikian patutlah kita takut jangan jadi anak derhaka kerana balasannya selain menunggu di akhirat, di dunia pula hukuman atau balasan akan lebih awal diterima. Oleh itu marilah wahai saudara wahai saudara sama-samalah kita berjanji sama-samalah kita berazam untuk tidak sama sekali menderhakai ibu bapa, dari sekecil-kecil perkara sampai kepada sebesar-besarnya kita ta'ati mereka. Jangan mereka dibantah kerana membantah itu bererti derhaka, dan jangan juga ditolak nasihat mereka kerana menolak itu juga satu penderhakaan.

Demikian itu sangat buruk akibat derhaka kepada ibu bapa.

ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam.
15 Rabiulawal, 1448
28 Ogos, 2026.

KEPADA DIRI DAN KAUMKU SEUGAMA AKIBAT MEMBAKAR RUMAH ALLAH

Kejadian ini telah berlaku di sebuah negara beragama Budha, mereka telah membakar masjid (Rumah Allah), lalu dengan tiba-tiba tanpa siapa yang menduga telah berlakulah banjir besar dan tanah runtuh yang menurut media berita awal dianggarkan telah menelan korban berjumlah 675 kematian dan 2,500 lagi hilang. Di sini ... kami ingin mencanangkan kepada mereka dan bahkan kepada seluruh dunia, bahawa

janganlah ada siapa-siapa yang mencuba dengan sewenang-wenang untuk merosakkan Rumah Allah, pastinya dalang itu tidak akan selamat. Mari wahai dunia, kami ajak kamu untuk menangkap sejarah silam bahawa nun di Tanah Mekah sana pernah berlaku percubaan untuk meruntuhkan Rumah Allah (Ka'abah) oleh tentera bergajah pimpinan Penguasa Abrahah tetapi apa yang terjadi? Wahai dunia, mari kami persilakan

untuk sama-sama melihat fakta dari Kitab Suci Al-Qur'an bahawa Allah berfirman tafsirnya: “Tidaklah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera bergajah yang bertujuan untuk meruntuhkan Ka'abah? Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka adalah merugikan, bahkan memusnahkan mereka? Dan Dia (Allah) telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung-burung berpasukan yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah keras

yang dibakar. Lalu Allah menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat” (Lihat Surah Al-Fil ayat 1-5). Demikian itu fakta ajaib, bukan dari fakta biasa, tetapi fakta daripada Al-Qur'an, siapakah yang mahu mendustakannya?

ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam.
17hb. Rabiulawal, 1448
30hb. Ogos, 2026.



25 tahun melahirkan pelajar cemerlang

KEJAYAAN sebuah sekolah dalam melahirkan pelajar cemerlang adalah dari pengajaran yang teratur, peranan dan komitmen para guru, penglibatan dan sokongan padu para ibu bapa dan anak didik yang mengamalkan disiplin yang tinggi.

Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyediakan pelbagai inisiatif dan program menjana pengalaman pelbagai dan berbeza untuk semua. Tahun ini Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) dan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menyambut Jubli Perak penubuhannya. Sambutan Jubli Perak ini dilancarkan pada Sabtu 29 Ogos 2026. Ia juga dimeriahkan dengan Karnival Hari Keluarga Jubli Perak yang diadakan pada Ahad, 30 Ogos 2026.

TASKA YSHHB

TASKA YSHHB telah beroperasi sebagai institusi pendidikan di peringkat bimbingan bermula 4 Februari 1998.

Pada 26 Ogos 1998, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah berkenan membuka rasmi TASKA YSHHB ini.

Terdahulu, Majlis Peletakan Batu Asas bagi bangunan TASKA YSHHB telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 17 Mei 1997.

Bangunan TASKA ini terletak di Jalan Kebangsaan, Sungai Akar iaitu pada satu kawasan yang bersesuaian dengan situasi alam sekitar yang tenteram dan pemandangan yang menarik. Bangunan ini juga dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian bagi memberi suasana pengajaran dan pembelajaran yang sempurna. Antara kemudahan yang terdapat di bangunan TASKA ini ialah seperti bilik darjah yang dilengkapi dengan stor dan tandas tersendiri, sebuah surau dan tempat berwuduk, sebuah kolam renang, bilik komputer, perpustakaan, bilik muzik, bilik rawatan dan taman permainan.

Kurikulum

Kurikulum yang dipraktikkan di TASKA YSHHB ini berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) di samping merujuk kepada teori-teori dan pengajian yang dibuat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Ianya adalah bertujuan bagi membentuk perkembangan kanak-kanak yang seimbang dari segi emosi, sosial dan intelek supaya mereka akan menjadi individu yang positif dan berkeyakinan terhadap kebolehan diri sendiri sebagai persiapan bagi menghadapi

peperiksaan peringkat rendah.

Tenaga pengajar, keramaian kanak-kanak

Guru-guru TASKA YSHHB mempunyai pengalaman mengajar di peringkat pra dan rendah serta mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Pendaftaran bagi kemasukan kanak-kanak ke TASKA ini telah dibukakan pada pertengahan tahun 1997. Pendaftaran terdiri dari kanak-kanak yang berumur dua setengah tahun bagi Taman Bimbingan, tiga setengah tahun bagi Taman Asuhan Satu dan empat setengah tahun bagi Taman Asuhan Dua.

Jumlah pengambilan pertama bagi kanak-kanak TASKA YSHHB iaitu penggal pertama persekolahan tahun 1998 ialah seramai 38 orang, 21 orang bagi Taman Asuhan Satu dan 17 orang bagi Taman Asuhan Dua. Pada penggal kedua persekolahan, sebuah kelas Taman Bimbingan telah dibuka dengan pengambilan seramai 12 orang kanak-kanak. Sehingga akhir tahun 1998 seramai 62 orang kanak-kanak belajar di TASKA ini.

Saban tahun TASKA YSHHB telah menerima kenaikan dari segi kemasukan murid-murid membuatkan pihak TASKA YSHHB membuka sesi petang pembelajaran bagi menampung kemasukan. Alhamdulillah TASKA YSHHB telah mendapat perhatian baik dari masyarakat dalam peranan memberikan pendidikan asas.

Antara subjek yang diajarkan di TASKA YSHHB ialah English Literacy, Malay Literacy, Numeracy, Ugama, Mandarin, Music, Computer dan Swimming.

Di penghujung pengajian TASKA, setentunya murid-murid telah diberi asas kukuh dan pengalaman awal berkaitan dunia prasekolah kepada kanak-kanak sebelum memasuki Tahun 1. Pengalaman melibatkan kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif yang diterapkan sangat penting sebagai persediaan untuk memasuki alam pendidikan formal dan pendidikan sepanjang hayat.

Penubuhan SR YSHHB

Penubuhan SR YSHHB merupakan kesinambungan daripada penubuhan TASKA YSHHB iaitu sebagai usaha bagi melengkapkan perkhidmatan pendidikan di peringkat rendah yang ditawarkan oleh YSHHB.

Projek pembinaan bangunan SR YSHHB bermula pada 14 Julai 1998. SR YSHHB mula beroperasi dan menerima kemasukan murid-murid sekolah pada penggal pertama persekolahan awal Januari 2000. Bangunan sekolah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk memastikan persekitaran sekolah yang kondusif untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang terbaik. Bangunan sekolah rendah ini

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

mempunyai dua blok utama yang mengandungi bilik pentadbiran, bilik mesyuarat, bilik komputer, makmal sains, perpustakaan dan 19 buah bilik darjah serta dua blok kecil iaitu dewan serba guna dan blok kantin.

Kurikulum yang diajar di sekolah ini adalah selaras dengan kurikulum kebangsaan mengikut garis panduan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan ditambah nilai lagi dengan menyesuaikan kesinambungan kurikulum yang diajar dari TASKA.

Pada peringkat awal penubuhannya, pendaftaran hanya dibukakan kepada murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 4 sahaja. Pada tahun 2002 merupakan pertama kalinya murid-murid Tahun 6 SR YSHHB menduduki peperiksaan awam, iaitu Penilaian Sekolah Rendah (PSR). Murid-murid telah mengharumkan nama SR YSHHB apabila mereka berjaya lulus dengan kadar 100 peratus. Keputusan cemerlang dalam peperiksaan ini terus dicatat oleh sekolah ini sehingga sekarang. Malah pada tiga tahun kebelakangan, lebih 20 peratus calon PSR telah mendapat keputusan 5'A' dalam PSR. Terkini, empat calon PSR 2025 telah menerima anugerah pelajar cemerlang dan seorang penerima Anugerah Khas PSR pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam pada 18 Jun 2026 yang diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama pihak Cambridge Assessment International Education (CAIE). Anugerah pelajar cemerlang merupakan salah satu inisiatif tahunan Kementerian Pendidikan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik khususnya di dalam peperiksaan awam dan sebagai dorongan serta galakan kepada para pelajar supaya lebih bersemangat untuk meraih kecemerlangan pada masa hadapan.

Antara subjek yang diajarkan di SR YSHHB ialah Mental Computation Test, Science, Bahasa Melayu, Mathematics, English Language, Ugama, Melayu Islam Beraja, Social Studies, ART, Arabic / Mandarin (Tahun 1 hingga 4 sahaja).

Khusus untuk murid-murid SR YSHHB sahaja, sekolah ini juga ada sesi persekolahan agama di sebelah petang yang mana tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada guru-guru agama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Adanya sesi persekolahan agama seperti ini setentunya menjadikan sekolah ini pilihan ibu bapa.

Pembelajaran murid-murid bukan sahaja

tertumpu kepada bidang akademik dalam bilik darjah, malah aktiviti-aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah juga turut dititikberatkan.

Ini terbukti dengan adanya penyertaan SR YSHHB dalam pelbagai pertandingan seperti Pertandingan Dengarlah Ceritaku Sekolah-sekolah Rendah Senegara dan mendapat Johan bagi Kategori Perempuan.

Selain itu sekolah ini juga sering membuat lawatan-lawatan bagi menimba ilmu pengetahuan di luar bilik darjah. Misalnya lawatan ke Kilugus Horse Stable pada 8 Julai 2026 bagi murid Tahun 1, Royal Regalia Museum pada 11 Jun 2026 bagi murid Tahun 5, Seria Energy Lab pada 11 Jun 2026 bagi murid Tahun 3 dan lain-lain.

Sekolah ini juga sering menerima lawatan dari sekolah luar negara antaranya daripada Sekolah SD Nizamia Andalusia, Jakarta, Indonesia yang bertujuan untuk memperkaya pengetahuan, mengeratkan persahabatan serta meraikan kepelbagaian budaya.

Kanak-kanak TASKA YSHHB dan SR YSHHB juga saban tahun mempersembahkan persembahan khas sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB dengan penuh keceriaan.

Persembahan ini bukan sahaja mencerminkan bakat dan kreativiti generasi muda, malah menjadi lambang kasih, hormat dan menjunjung setinggi-tinggi penghargaan Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semoga usaha dan pengalaman ini menjadi inspirasi serta kenangan manis buat mereka dalam membina masa depan yang gemilang.

Penutup


Seiring usianya 25 tahun, diharap sekolah-sekolah ini terus dapat membentuk pelajar menjadi pemimpin masa depan yang cemerlang dan mempunyai budi pekerti yang baik, iaitu sinonim dengan identiti dan budaya orang Brunei.

Dengan adanya asas kukuh dari TASKA, murid-murid di sekolah ini mencapai keputusan cemerlang terutama dalam PSR saban tahun.

Bangunan sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan terkini memberikan suasana pengajaran dan pembelajaran sempurna. Statistik keramaian pelajar dari setahun ke setahun membuktikan perkembangan yang menggalakkan, sekali gus sebagai petanda keyakinan masyarakat bahawa YSHHB mampu menawarkan khidmat pendidikan yang berkualiti.

Kegiatan tidak bermoral tumpas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BAHAN-bahan bukti telah dibawa ke JSJ bagi menjalani siasatan dan tindakan lanjut.

seorang wanita warganegara asing berumur 33 tahun telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan tidak bermoral. Suspek bersama bahan-bahan bukti telah dibawa ke JSJ bagi menjalani siasatan dan tindakan lanjut.

Kes berkenaan sedang disiasat di bawah Seksyen 294A, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Operasi seumpama berkenaan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan premis-premis penginapan tidak disalahgunakan sebagai tempat menjalankan kegiatan yang melanggar undang-undang serta memelihara ketenteraman masyarakat.


BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan serbuan di sebuah hotel di kawasan Kampung Pengkalan Gadong, baru-baru ini.

Hasil serbuan berkenaan,

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESEAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

MENCUNGKIL POTENSI, BAKAT PELAJAR MELALUI STEAM

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



PARA peserta yang menyertai Pertandingan Virtual Eco-STEM Global 2026 diwakili pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA).

Setiap sekolah diwakili oleh empat hingga enam pelajar bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Secara keseluruhan, para peserta dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya meraih kedudukan lima teratas dalam empat daripada lima kategori yang dipertandingkan.

Bagi Kategori Global Eco-Tech Pitching Challenge, Kumpulan Siap Siaga Brunei dari SM SMJA telah berjaya meraih tempat pertama.

Seterusnya, dalam Kategori Global Eco-Print 3D Challenge pula, Kumpulan Draga PlaneEX dari MSPSBS telah berjaya menyandang tempat pertama, manakala Kumpulan PLEN dari SM SMJA pula meraih tempat ketiga.

Dalam Kategori Global

Agrobot Challenge, Kumpulan H.A.R.V.E.S.T dari SM SMJA telah merangkul tempat kedua, manakala Kumpulan Project Demeter dari MSPSBS pula berjaya meraih tempat keempat.

Sementara itu bagi Kategori Sustainable School: Global Smart Challenge, Kumpulan Eco Visionaries dari MSPSBS pula mendapat tempat keempat.

Penganjuran pertandingan seumpama berkenaan diharap dapat menjadi platform untuk mengasah potensi dan mengembangkan bakat para pelajar secara optimum, di samping melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berdaya inovatif melalui pendedahan kepada pelbagai program berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM).

Alai Pintar SOALAN 180

SOALAN 2 SEPTEMBER 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Apabila bercakap dengan orang lebih tua, kita hendaklah....
a) Berteriak
b) Bercakap dengan sopan
c) Meninggikan suara
- Apakah haiwan yang bertelur?
a) Kucing
b) Burung
c) Gajah
- 5 jam 45 minit bersamaan dengan?
a) 354 minit
b) 345 minit
c) 300 minit

TARIKH TUTUP : 12 SEPTEMBER 2026

HADIAH Pemenang

3X BAUCER BND 40 BAGI ALAI YANG MENJAWAP DENGAN TEPAT

*UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
• Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
• Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait
• Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
• Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau e-mel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN SOALAN 179: **S1 C S2 A S3 B**

Pemenang ALAI PINTAR :

Nama : Nur Oisya Afina binti Rosli
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0141966-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lamunin
Nama : Muhd. Naim bin Muhd. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0129056-01. Sekolah : Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata, Gadong
Nama : Aliyah Afifah binti Julaimy
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0126139-01. Sekolah : Bakti Dewa School, Tutong

TURKIYE SERTAI ARTEMIS ACCORDS NASA, JADI NEGARA KE-71 TANDATANGANI KERANGKA PENEROKAAN ANGKASA AMAN



ISTANBUL, 1 Sept. - Turkiye menyertai Artemis Accords NASA, sekali gus menjadi negara ke-71 menandatangani kerangka antarabangsa yang bertujuan menggalakkan penerokaan Bulan, Marikh dan angkasa lepas secara aman, telus serta bekerjasama, lapor Anadolu Ajansi.

Menteri Industri dan Teknologi Turkiye Mehmet Fatih Kacir menandatangani perjanjian itu bagi pihak Turkiye dalam satu majlis pada Isnin di ibu pejabat NASA di Washington yang dihoskan Pentadbir NASA Jared Isaacman.

"Adalah satu penghormatan bagi saya untuk mengalu-alukan Turkiye sebagai penandatanganan ke-71 Artemis Accords," kata Isaacman, menurut kenyataan NASA yang menekankan peranan Turkiye yang semakin berkembang dalam penerokaan angkasa lepas.

Artemis Accords yang diwujudkan pada 2020 oleh NASA, Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) dan tujuh negara pengasas yang menetapkan prinsip kerjasama antarabangsa dalam bidang angkasa lepas, termasuk

penerokaan secara aman, perkongsian data saintifik, pemberian bantuan apabila diperlukan serta perlindungan tapak dan artifak yang mempunyai kepentingan sejarah.

Penyertaan Turkiye dibuat ketika program angkasa lepas negara itu semakin berkembang. Pada 2024, Alper Gezeravci menjadi angkasawan pertama Turkiye melakukan perjalanan ke Stesen Angkasa Antarabangsa dan menjalankan penyelidikan saintifik bersama angkasawan NASA.

Tuva Atasever kemudiannya

menaiki VSS Unity milik Virgin Galactic sebagai sebahagian daripada misi Virgin Galactic 07. Turkiye juga sedang membuat persiapan untuk melancarkan misi pertamanya ke Bulan, AYAP-1.

Pemeteraian itu dibuat menjelang Kongres Astronautik

Antarabangsa yang akan dihoskan Turkiye di Antalya pada Oktober. Acara itu dijangka menghimpunkan puluhan negara penandatanganan Artemis Accords untuk membincangkan masa depan penerokaan angkasa lepas secara aman dan telus. - ©BERNAMA

NASA lancarkan teleskop baharu berkuasa tinggi untuk tinjau alam semesta

WASHINGTON, 31 Ogos. - NASA melancarkan Teleskop Angkasa Nancy Grace Roman baharunya yang direka untuk mengkaji planet jauh, bintang yang meletup dan lohong hitam, selain meninjau alam semesta pada skala yang belum pernah dicapai sebelum ini, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Teleskop itu, yang dinamakan sempena nama wanita pertama yang memegang jawatan kepimpinan kanan di NASA, dilancarkan menggunakan roket Falcon Heavy yang dikendalikan SpaceX milik Elon Musk dari Cape Canaveral di Florida pada Ahad.

Teleskop itu dijangka tiba di destinasi kira-kira 1.6 juta

kilometer dari bumi dalam tempoh sebulan dan menghantar imej pertamanya pada awal 2027.

Misi itu mempunyai jumlah peruntukan melebihi US\$4 bilion. Ahli astronomi dijangka menggunakan teleskop berkenaan untuk mengkaji pelbagai fenomena termasuk eksoplanet, bintang yang meletup dan lohong hitam.

Teleskop Roman beroperasi dengan cara yang serupa dengan Teleskop Angkasa Hubble, yang dilancarkan pada 1990 dan kini mula berusia serta beroperasi dengan keupayaan yang berkurangan. Namun, Roman direka untuk meninjau langit dengan jauh lebih pantas.

Saintis NASA berkata pemerhatian yang boleh dilakukan Roman dalam tempoh sebulan akan mengambil masa satu abad untuk diselesaikan oleh Hubble.

Hubble mengumpulkan kira-kira 400 terabit data sepanjang lebih 35 tahun berada di angkasa lepas, manakala ahli sains menjangkakan Roman menghasilkan lebih 500 terabit data setiap tahun.

Teleskop Angkasa James Webb, yang dinamakan sempena bekas pentadbir NASA, dilancarkan pada penghujung 2021 bagi melengkapi Hubble. Ia mengamati alam semesta berdasarkan panjang gelombang yang berbeza daripada Hubble dan Roman.

- ©BERNAMA

Lebih 20 dikhuatiri hilang susulan banjir kilat di Grand Canyon, AS

LOS ANGELES, 31 Ogos. - Lebih 20 orang mungkin hilang atau belum dapat dikesan susulan kejadian banjir kilat di Taman Negara Grand Canyon di Arizona, Amerika Syarikat (AS), kata pihak berkuasa pada Ahad, lapor Xinhua.

Perkhidmatan Taman Negara AS dalam kenyataan berkata kejadian itu berlaku di Bright Angel Canyon dan kawasan Phantom Ranch pada Sabtu.

Agensi itu menggesa sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai pendaki atau pengembara yang berada di kawasan pedalaman ngarai sepanjang koridor Bright Angel Creek pada 29 Ogos, serta mereka yang mempunyai tempahan tapak perkhemahan di kawasan terjejas,

supaya menyalurkan maklumat kepada Bahagian Perkhidmatan Siasatan Perkhidmatan Taman Negara.

Pegawai taman berkata usaha pemindahan dan tindak balas sedang diteruskan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Awam Arizona, sambil berusaha mengesan individu yang dipercayai berada di kawasan terjejas.

Dalam kenyataan terdahulu, pegawai taman berkata seramai 62 orang telah dipindahkan dari kawasan itu setakat pagi Ahad, manakala pemindahan tambahan dijadualkan kemudian pada hari sama.

Banjir kilat itu menyebabkan kerosakan besar terhadap infrastruktur di seluruh Bright Angel Canyon.

Hampir semua jambatan pejalan kaki yang merentasi Bright Angel Creek musnah, menyebabkan pendaki tidak dapat menyeberangi anak sungai itu, menurut pegawai taman.

Pegawai berkata beberapa bahagian Taman Negara Grand Canyon ditutup, manakala Sungai Colorado turut ditutup sehingga dimaklumkan kelak susulan struktur logam dan puing memasuki sungai berkenaan.

Mereka turut memberi amaran bahawa ribut petir dan hujan lebat tambahan berkemungkinan berlaku pada Ahad dan Isnin, yang boleh mencetuskan banjir kilat, aliran puing serta runtuh batu, selain mengubah keadaan laluan pendakian dan sungai.

- ©BERNAMA

Arab Saudi pamer manuskrip abad ke-3 hijrah tampilkan tulisan awal Al-Quran

MAKKAH, 31 Ogos. - Muzium Al-Quran di Wilayah Kebudayaan Hira di Makkah memamerkan satu manuskrip Al-Quran yang jarang ditemui: sekeping helaian Al-Quran dari abad ketiga Hijrah, bersamaan abad kesembilan Masihi, sebuah artifak bersejarah yang mendokumentasikan aspek peringkat awal penghasilan manuskrip Al-Quran, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Manuskrip yang dipamerkan

itu mengandungi sebahagian daripada Surah Maryam, ditulis di atas kulit menggunakan dakwat merah. Teks berkenaan tidak mempunyai tanda vokal mahupun titik diakritis, sekali gus menonjolkan ciri khas peringkat awal penulisan manuskrip Al-Quran. Ini membolehkan pengunjung muzium mempelajari perkembangan penulisan Al-Quran serta kaedah yang digunakan untuk merekodkan

Al-Quran pada abad-abad awal Islam.

Muzium Al-Quran merupakan antara kemudahan utama di Wilayah Kebudayaan Hira, yang menawarkan pengalaman pendidikan dan interaktif yang menonjolkan sejarah Al-Quran, perkembangan penulisan manuskrip Al-Quran, serta pelbagai bentuk pemeliharaan yang diberikan kepadanya sepanjang zaman. - ©BERNAMA

Republik Singapura catat peningkatan kes influenza

REPUBLIK SINGAPURA, 1 Sept. - Republik Singapura mencatatkan peningkatan kes influenza, dengan kadar positif meningkat kepada 36.6 peratus pada minggu 16 hingga 22 Ogos 2026, berbanding 24peratus pada minggu sebelumnya.

Bagaimanapun, menurut Agensi Penyakit Berjangkit (CDA), tiada petunjuk bahawa jangkitan itu lebih serius daripada biasa.

"Tahap positif influenza semasa masih berada di bawah paras tertinggi tahun lepas iaitu 43.9 peratus yang dicatatkan pada Januari 2025.CDA sedang memantau keadaan," menurut agensi itu dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut CDA, data pemantauan kebangsaan Singapura menunjukkan virus influenza bermusim menular sepanjang tahun, dengan tempoh aktiviti lebih tinggi biasanya direkodkan antara Mei hingga Ogos serta Disember hingga Mac.

Dua kemuncak aktiviti ini secara umumnya bertepatan dengan musim sejuk di Hemisfera Utara dan Selatan, namun masanya mungkin berbeza dari tahun ke tahun disebabkan faktor seperti perjalanan antarabangsa dan corak percampuran penduduk, tambah agensi itu.

Agensi tersebut turut menasihati individu berisiko tinggi mendapat jangkitan influenza yang teruk serta golongan rentan yang mempunyai masalah kesihatan sedia ada supaya mendapatkan vaksinasi influenza sekurang-kurangnya sekali setahun. - ©BERNAMA

Perdagangan China-ASEAN lepsi US\$1 trilion buat kali pertama pada 2025

BEIJING, 1 Sept. - Perdagangan China dengan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) melepasi US\$1 trilion buat kali pertama tahun lepas apabila nilai perdagangan dua hala mencecah US\$1.05 trilion, meningkat 7.4 peratus tahun ke tahun, kata seorang pegawai pada Selasa, lapor Xinhua.

Timbalan Menteri Perdagangan China Yan Dong berkata China kekal sebagai rakan dagang terbesar ASEAN selama 17 tahun berturut-turut, manakala ASEAN menjadi rakan dagang terbesar China selama enam tahun berturut-turut.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2026, jumlah perdagangan antara China dan ASEAN mencecah US\$744.41 bilion, meningkat 24.7 peratus tahun ke tahun dan menyumbang 21.8 peratus daripada keseluruhan perdagangan luar China dalam tempoh berkenaan. - ©BERNAMA

Kerajaan Jepun rancang beli semula 210,000 tan beras

TOKYO, 1 Sept. - Kerajaan Jepun akan membeli semula 210,000 tan beras yang dikeluarkan sebagai langkah kecemasan tahun lepas selepas kekurangan bekalan kini reda, kata Menteri Pertanian pada Selasa, lapor Kyodo News.

Kenaikan mendadak harga beras sebelum ini mendorong kerajaan mengeluarkan sejumlah 590,000 tan daripada stok simpanan beras bagi kegunaan kecemasan pada 2025.

Kerajaan kini mempunyai kira-kira 320,000 tan beras, jauh lebih rendah berbanding paras yang dianggap sesuai iaitu satu juta tan.

Harga beras menurun susulan pertambahan bekalan di pasaran. Dalam pada itu, golongan petani bimbang bekalan yang banyak boleh menyebabkan harga jatuh mendadak. - ©BERNAMA

Gunung Sinabung meletus, hambur abu setinggi 3.5km

JAKARTA, 31 Ogos. - Gunung Sinabung di wilayah Sumatera Utara, Republik Indonesia meletus pada pagi Isnin, menghamburkan abu gunung berapi kira-kira 3.5 kilometer di atas puncak.

Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG) berkata letusan bermula pada 10.17 pagi waktu tempatan dengan kepulan abu hitam tebal dilihat bergerak ke arah timur dan tenggara.

"Penduduk dan pengunjung dinasihatkan menjauhi perkampungan yang telah dipindahkan serta tidak menjalankan aktiviti dalam lingkungan tiga kilometer dari puncak Gunung Sinabung dan 4.5 kilometer ke arah selatan serta tenggara," menurut laporan yang disiarkan di laman sesawang rasminya.

Gunung Sinabung yang terletak di Kabupaten Karo kekal pada Tahap II (Waspada), manakala penduduk yang tinggal berhampiran sungai dinasihatkan supaya terus berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya aliran lumpur gunung berapi. - ©BERNAMA



6 ORGANISASI KEBAJIKAN TERIMA SUMBANGAN DYNAMIK TECHNOLOGIES

■ Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Dynamik Technologies baru-baru ini telah mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan kepada enam buah organisasi kebajikan tempatan bersempena dengan The Quest Run, iaitu larian santai dalaman yang dianjurkan

sebagai sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun Ke-25 syarikat berkenaan. Sumbangan tersebut disalurkan melalui Dynamik Charity Pledge, iaitu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat syarikat yang bertujuan untuk menyokong organisasi kebajikan tempatan serta



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi merangkap Pengerusi Dynamik Technologies semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Penyerahan Sumbangan.

masyarakat yang memerlukan.

Penerima sumbangan pada tahun ini ialah Down Syndrome Association (ABLE), Majlis Kesejahteraan Masyarakat Brunei (MKM), Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Society for Community Outreach and Training (SCOT), Society for Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER) Brunei dan Yayasan Kanser Kanak-kanak Brunei (YASKA).

Majlis penyerahan yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian

Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, merangkap Pengerusi Dynamik Technologies bersama Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Pengiran Noreen Afiza binti Pengiran Dato Paduka Haji Md. Zain.

Dynamik Charity Pledge mencerminkan komitmen berterusan Dynamik Technologies dalam menyumbang kembali kepada masyarakat serta menyokong inisiatif - inisiatif yang memberikan sumbangan positif kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Perlawanan badminton pupuk semangat kesukanan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Badminton GYBs55

GADONG, Selasa, 1 September. - Kejohanan Perlawanan Badminton 3 SUM HM80 yang dianjurkan oleh Kelab Badminton GYBs55 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun telah berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Menglait, Gadong dengan penuh meriah dan semangat persahabatan.

Acara kemuncak kejohanan ialah majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang, yang turut diserikan dengan kehadiran ahli-ahli kelab, para peserta serta penyokong yang bersama-sama memberikan sokongan sepanjang kejohanan.

Perlawanan Badminton 3 SUM HM80 menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kesukanan dan memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga yang menyertai kejohanan.

Para pemain telah menunjukkan komitmen, disiplin dan semangat juang yang tinggi sepanjang pertandingan. Persaingan sengit yang dipamerkan turut mencerminkan kesungguhan para peserta dalam memberikan persembahan terbaik sambil mengekalkan semangat *fair play* dan persahabatan.

Majlis penyampaian hadiah menyaksikan para pemenang menerima hadiah sebagai tanda penghargaan atas pencapaian dan usaha yang telah ditunjukkan sepanjang kejohanan.

Pihak penganjur turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta, urus setia, penyumbang, penyokong serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama bagi memastikan kejohanan berjalan dengan lancar dan jayanya.

Penganjuran kejohanan seumpama ini diharap akan dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai salah satu usaha menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah, di samping mempereratkan hubungan silaturahim dan semangat kekeluargaan dalam kalangan masyarakat.



PERLAWANAN Badminton 3 SUM HM80 bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kesukanan dan memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga yang menyertai kejohanan.

Persiapan awal menjelang Sukan Kebangsaan 2026

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) Bawah 23 Tahun (U23) baru-baru ini telah mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan dengan menentang Pancur Murai FC.

Perlawanan persahabatan berkenaan adalah bertujuan untuk membuat latihan awal bagi persiapan menghadapi Sukan Kebangsaan yang akan diadakan pada November 2026.

Perlawanan berkenaan adalah persiapan bagi TDAFA yang akan mewakili pasukan dari Daerah Tutong dalam Sukan Kebangsaan berkenaan.

Hadir menyaksikan perlawanan berkenaan, Yang Dipertua TDAFA, Awang Haji Takong bin Ahmad; Yang Dipertua 1, Awang Bujang bin Haji Japar; dan Setiausaha Agong, Awang Matusin bin Sumpung serta Ahli Jawatankuasa (AJK) TDAFA.



PERSATUAN Bolasepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) Bawah 23 Tahun (U23) semasa mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan dengan menentang Pancur Murai FC.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DOA ITU ADALAH OTAK SEGALA IBADAT